KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## SELASA, 27 JUN 2023

## LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:

*World Communications*

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



27/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **WANITA BUKAN ISLAM BERPAKAIAN TIDAK SOPAN DIKOMPAUN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/265420/edisi/kelantan/wanita-bukan-islam-berpakaian-tidak-sopan-dikompaun | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1119305/mpkb-bri-saman-peniaga-wanita-berseluar-pendek-pangkal-paha | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/26/wanita-pakai-seluar-pendek-paras-punggung-dikompaun/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/06/26/berseluar-pendek-di-kelantan-wanita-bukan-islam-dikompaun/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.malaysiakini.com/news/669953 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/981659/wanita-bukan-islam-berseluar-pendek-dikompaun | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/449523 | THEMALAYSIANINSIGHT.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **LELAKI DITAHAN CIUM TANGAN PENYANYI WANITA POPULAR** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-ditahan-cium-tangan-penyanyi-wanita-popular-425540 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/26/penyanyi-wanita-dakwa-dicabul-selepas-buat-persembahan/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/06/cium-tangan-penyanyi-wanita-lelaki-direman-tiga-hari/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/981701/tarik-cium-tangan-penyanyi-wanita-lelaki-ditahan | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/rap/2023/06/981736/ara-johari-trauma%C2%A0dicium | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/265454/berita/hiburan/ara-johari-lapor-polis-trauma-tangan-dicium-peminat | SINARHARIAN.COM.MY |

27/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **WARGA EMAS DITEMUKAN MENINGGAL DUNIA DALAM RUMAH BERKUNCI** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-ditemukan-meninggal-dunia-dalam-rumah-berkunci-425597 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/warga-emas-ditemukan-meninggal-dunia-dalam-rumah/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/981788/mayat-warga-emas-ditemukan-dalam-rumah-berkunci | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/265406/berita/semasa/warga-emas-meninggal-dunia-dalam-rumah-berkunci | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/981668/bomba-pecah-pintu-rumah-temukan-warga-emas-mati-atas-katil | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/06/1119416/bomba-perak-pecah-pintu-rumah-keluarkan-dua-mayat-di-pasir-puteh | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **PSM BENTANG CADANGAN SKIM WARGA EMAS TANPA PENCEN PADA NANCY** | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/670004 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://www.malaysiakini.com/news/669994 | MALAYSIAKINI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **JABATAN SUDAH BERI BANTUAN KEBAJIKAN DAN PENGHARGAAN SEBELUM ISU TULAR PEGAWAI TERABAI – IMIGRESEN SABAH** | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/jabatan-sudah-beri-bantuan-kebajikan-dan-penghargaan-sebelum-isu-tular-pegawai-terabai-imigresen-sabah/ | BULETINTV3.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/981746/isu-pegawai-imigresen-dakwa-diabaikan-jim-sabah-sudah-ambil-tindakan | HMETRO.COM.MY |

27/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **TINDAKAN PM MINTA NOMBOR TELEFON JATUHKAN MARTABAT WANITA - ZURAIDA** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/265434/video/berita-semasa-video/tindakan-pm-minta-nombor-telefon-jatuhkan-martabat-wanita---zuraida | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/265394/berita/nasional/pm-minta-nombor-telefon-jatuhkan-martabat-wanita---zuraida | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/26/minta-nombor-telefon-pelajar-anwar-perlu-minta-maaf-zuraida/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/26/amira-terima-komen-seksis-selepas-gesa-pm-minta-maaf/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **WANITA MAUT 15 CEDERA NAHAS 3 KENDERAAN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/265326/berita/semasa/wanita-maut-15-cedera-nahas-tiga-kenderaan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/981562/1-maut-14-cedera-nahas-tiga-kenderaan | HMETRO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/26/wanita-thai-maut-15-termasuk-kanak-kanak-cedera/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/265326/berita/semasa/wanita-warga-thailand-maut-nahas-tiga-kenderaan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-maut-15-cedera-nahas-tiga-kenderaan-425493 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **WANITA JADI BUTA PADA USIA 33 TAHUN** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/26/wanita-jadi-buta-pada-usia-33-tahun/ | KOSMO.COM.MY |

27/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **INSPEKTOR SHEILA DIDAKWA HINA WARGA EMAS** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/26/inspektor-sheila-didakwa-hina-warga-emas/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=vMIvyBxropM | YOUTUBE |
| | https://www.utusan.com.my/video/2023/06/inspektor-sheila-didakwa-aib-polis-ugut-wanita/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/26/inspektor-sheila-didakwa-aib-polis-ugut-wanita/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **MAUT DIPUKUL TEMAN LELAKI: PUNCA KEMATIAN CEDERA DI KEPALA** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/265402/berita/semasa/maut-dipukul-teman-lelaki-punca-kematian-cedera-di-kepala | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/26/wanita-maut-dipukul-teman-lelaki-punca-kematian-akibat-kecederaan-di-kepala/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/981707/kecederaan-kepala-intraabdomen-punca-kematian-wanita-dipukul-teman-lelaki | HMETRO.COM.MY |
| | https://sarawakvoice.com/wanita-dipercayai-dibunuh-teman-lelaki-bawah-pengaruh-dadah/ | SARAWAKVOICE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **71 KES PENDAFTARAN LEWAT ANAK ORANG ASLI DI KELANTAN BERJAYA DISELESAIKAN** | |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2201442 | BERNAMA.COM |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/jakoa-selesai-kes-71-orang-asli-tiada-mykad-sijil-kelahiran/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/265414/edisi/kelantan/71-kes-pendaftaran-lewat-anak-orang-asli-berjaya-diselesaikan | SINARHARIAN.COM.MY |

27/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **SULTAN MIZAN BERKENAN BERSANTAP BERSAMA INSAN ISTIMEWA, FAKIR MISKIN** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/26/sultan-mizan-berkenan-bersantap-bersama-insan-istimewa-fakir-miskin/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/sultan-terengganu-berkenan-santap-bersama-warga-istimewa-fakir-miskin/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2201417 | BERNAMA.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **WANITA DIPERDAYA RM3.5 JUTA BEBASKAN ANAK DIPENJARA** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/265379/berita/semasa/wanita-diperdaya-rm35-juta-bebaskan-anak-dipenjara | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/26/wanita-warga-emas-ditipu-rm3-5-juta-untuk-bebaskan-anak-perempuan-dari-penjara/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2201452 | BERNAMA.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **CABUL TIGA WANITA, LELAKI OKU MENTAL PENAGIH DADAH DITAHAN** | |
| | https://www.buletintv3.my/jenayah/cabul-tiga-wanita-lelaki-oku-mental-penagih-dadah-ditahan/?utm_source=BUTV3&utm_medium=terkini | BULETINTV3.MY |
| | https://www.dailyexpress.com.my/news/215215/lelaki-sakit-mental-serang-seksual-tiga-wanita-kata-polis-tuaran/ | DAILYEXPRESS.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/981726/pencabul-ada-masalah-mental-rupanya | HMETRO.COM.MY |

27/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **MOT PANDANG SERIUS PENGGUNAAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/26/mot-pandang-serius-penggunaan-kerusi-keselamatan-kanak-kanak/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/981694/advokasi-penggunaan-kerusi-keselamatan-kanak-kanak-diteruskan | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **EMPAT PEMANDU MABUK TERMASUK WANITA DITAHAN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/265424/berita/semasa/empat-pemandu-mabuk-termasuk-wanita-ditahan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/26/wanita-antara-empat-pemandu-mabuk-ditahan/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **LELAKI MENYAMAR JEMAAH WANITA PECAH TABUNG MASJID DITAHAN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/265410/berita/semasa/lelaki-menyamar-jemaah-wanita-pecah-tabung-masjid-ditahan | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **WANITA SERTAI KURSUS MASAKAN BERASASKAN NANAS DI BUKIT MERTAJAM ANJURAN LPNM** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/25-wanita-sertai-kursus-masakan-berasaskan-nanas-di-bukit-mertajam-anjuran-lpnm/ | UTUSAN.COM.MY |

27/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **MURID AKTIF TAK PANDAI BACA DIMINTA BERHENTI SELEPAS SEHARI MASUK TADIKA** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/26/murid-aktif-tak-pandai-baca-diminta-berhenti-selepas-sehari-masuk-tadika/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **AINUL MARDHIAH, KANAK-KANAK MASALAH SARAF DAPAT TAJAAN SUSU BERFOMULA** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/ainul-mardhiah-kanak-kanak-masalah-saraf-dapat-tajaan-susu-berformula/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **POLIS SIASAT PENGAWAL SELIA UBAT BERHUBUNG SIRAP BATUK TERCEMAR** | |
| | https://www.bharian.com.my/dunia/asean/2023/06/1119080/polis-siasat-pengawal-selia-ubat-berhubung-sirap-batuk-tercemar | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **KENA BIJAK TANGANI ISU PENYALAHGUNAAN DADAH** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/265325/edisi/utara/kena-bijak-tangani-isu-penyalahgunaan-dadah | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **HILANG EMPAT HARI, TOK MINTA NAUFAL AJAR MENGAJI** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/26/hilang-empat-hari-tok-minta-naufal-ajar-mengaji/ | KOSMO.COM.MY |

27/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | **RM100 JUTA BINA PUSAT JAGAAN WARGA EMAS GOLONGAN ATASAN** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/26/rm100-juta-bina-pusat-jagaan-warga-emas-golongan-atasan/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 25 | **BURUH TUA JALAN KAKI 2KM BERULANG KE TEMPAT KERJA** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/26/buruh-tua-jalan-kaki-2-km-berulang-ke-tempat-kerja/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 26 | **GOVT MUST RAISE PEOPLE'S LIVING STANDARDS SIGNIFICANTLY** | |
| | https://www.malaysiakini.com/letters/669928 | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 27 | **JEMAAH HAJI SEMPURNAKAN TAWAF AL-QUDUM SEBELUM KE MINA** | |
| | https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2023/06/1119021/jemaah-haji-sempurnakan-tawaf-al-qudum-sebelum-ke-mina | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 28 | **IBADAH KORBAN BERSIHKAN JIWA BUKAN BERGADUH KERANA SEEKOR LEMBU** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/265314/suara-sinar/pojok/ibadah-korban-bersihkan-jiwa-bukan-bergaduh-kerana-seekor-lembu | SINARHARIAN.COM.MY |

27/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 29 | **SUBMISSION OF MEMORANDUM OF SOCIAL PROTECTION EMPOWERMENT FOR SENIOR CITIZENS** | |
| | https://www.facebook.com/kpwkm/posts/pfbid0Hxq9S8PkRGDUkwXAVpLMpQMpr9zd8ztVGW9aCWf654BVAh7sfEZYTTuaBcv6XzYGl | FACEBOOK |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 30 | **NEED MORE MAMMOGRAM SCREENING SUBSIDY SABAH CANCER VOLUNTEER ASSOCIATION** | |
| | https://www.dailyexpress.com.my/news/215176/need-more-mammogram-screening-subsidy-sabah-cancer-volunteer-association/ | DAILYEXPRESS.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 31 | **WUJUDKAN 'LALUAN' GURU PRASEKOLAH TINGKAT KELAYAKAN AKADEMIK** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1119113/wujudkan-laluan-guru-prasekolah-tingkat-kelayakan-akademik | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 32 | **LUTH KRITIKAL, KELUARGA MOHON DOKAN LUTH** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/981529/luth-kritikal-keluarga-mohon-doakan-luth | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 33 | **KUNJUNGAN HORMAT PERSATUAN PENGASUHAN DAN PERKEMBANGAN AWAL KANAK-KANAK BERDAFTAR MALAYSIA (PPBM)** | |
| | https://www.facebook.com/kpwkm/posts/pfbid02tGdwEH8C3FPaivaew4v8Uv9SGRBboA1TzSaEwcGniCwk2u1dPCwEx8gs1UspUqhhl | FACEBOOK |

27/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 34 | **TIADA KOMUNIKASI ANTARA AGENSI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/981636/tiada-komunikasi-antara-agensi | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 35 | **TENA MEMPERJUANGKAN 'ACTIVE AGEING' DENGAN PELANCARAN LAPORAN PENUAAN TERKINI MALAYSIA 2023** | |
| | http://www.fizaizawa.com/2023/06/tena-memperjuangkan-active-ageing.html | FIZAIZAWA.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 36 | **COURTESY VISIT BY MR. NILOY BANERJEE, REPRESENTATIVE OF UNITED NATIONS DEVELOPMENT PROGRAMME (UNDP)** | |
| | https://www.facebook.com/kpwkm/posts/pfbid02rXcNgm3LpKG3TKTwswEZkdKU3RdnKVtTzaWXHsuqZoaJzQ6eq5QnjfSquMBHWLHl | FACEBOOK |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 37 | **KAJI SEMULA CADANGAN PINDAAN KEWARGANEGARAAN KANAK-KANAK TERBUANG** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/26/kaji-semula-cadangan-pindaan-kewarganegaraan-kanak-kanak-terbuang/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 38 | **GENDER-BASED VIOLENCE AND DOMESTIC VIOLENCE ON THE RISE IN MALAYSIA: A GROWING CONCERN** | |
| | https://www.therakyatpost.com/news/2023/06/26/gender-based-violence-and-domestic-violence-on-the-rise-in-malaysia-a-growing-concern/ | THERAKYATPOST.COM |

27/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 39 | **CHILD POVERTY IS STILL AN ISSUE, EVEN IN OUR CAPITAL** | |
| | https://www.thestar.com.my/lifestyle/health/health-matters/2023/06/26/child-poverty-is-still-an-issue-even-in-our-capital | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 40 | **PM IS DEGRADING WOMEN'S DIGNITY BY ASKING FOR THE FEMALE STUDENT'S NUMBER- ZURAIDA** | |
| | https://www.sinardaily.my/article/199714/malaysia/national/pm-is-degrading-womens-dignity-by-asking-for-the-female-students-number--zuraida | SINARDAILY.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 41 | **SOCIAL ENTERPRISE EMPOWERS INDIGENOUS WOMEN THROUGH PRODUCTS WITH SABAH-INSPIRED MOTIFS** | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/06/924474/social-enterprise-empowers-indigenous-women-through-products-sabah | NST.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 42 | **STB: 27TH RAINFOREST WORLD MUSIC FESTIVAL TO BE HELD FROM JUNE 28-30 NEXT YEAR** | |
| | https://www.theborneopost.com/2023/06/26/stb-27th-rainforest-world-music-festival-to-be-held-from-june-28-30-next-year/ | THEBORNEOPOST.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 43 | **94,791 AKAUN EFS DIBUKA SEJAK PELAKSANAAN, LIBAT PERUNTUKAN LEBIH RM94 JUTA** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/06/26/94791-akaun-efs-dibuka-sejak-pelaksanaan-libat-peruntukan-lebih-rm94-juta | UTUSANBORNEO.COM.MY |

27/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 44 | **26 JUN 2023 BERITA PAGI – UCAPAN ULANG TAHUN SALURAN BERITA RTM KE-3: DATO' SRI NANCY SHUKRI** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=6wHn-0bbxJE | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 45 | **TINGKAT TARAF HIDUP, LEBIH 20,000 TERIMA MANFAAT PROGRAM WANITA BERDAYA** | |
| | https://selangorkini.my/2023/06/tingkat-taraf-hidup-lebih-20000-terima-manfaat-program-wanita-berdaya/ | SELANGORKINI.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 46 | **KES TULAR: WANITA HAMPIR DIROGOL LELAKI KURANG SIUMAN, POSITIF DADAH** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-tular-wanita-hampir-dirogol-lelaki-kurang-siuman-positif-dadah-425584 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 47 | **WANITA UMNO CHIEF: SUPPORT MALAYSIA'S EFFORTS TO BECOME LEADER IN STRENGTHENING ARBITRATION SYSTEM** | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/06/26/wanita-umno-chief-support-malaysias-efforts-to-become-leader-in-strengthening-arbitration-system/76502 | MALAYMAIL.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 48 | **LELAKI AJAK WANITA KELUAR 'DATING' SELEPAS ROMPAK RUMAHNYA** | |
| | https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/449546 | THEMALAYSIANINSIGHT.COM |

27/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 49 | **DAFTAR SEGERA SAR DEMI PENDIDIKAN AGAMA KANAK-KANAK** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1119374/daftar-segera-sar-demi-pendidikan-agama-kanak-kanak | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 50 | **KANAK-KANAK LELAKI 5 TAHUN MAUT LEHER TERKENA TALI LAYANG-LAYANG** | |
| | https://www.utusan.com.my/luar-negara/2023/06/kanak-kanak-lelaki-5-tahun-maut-leher-terkena-tali-layang-layang/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 51 | **WANITA WARGA ASING DISIASAT KES BUNUH DALAM LADANG SAWIT** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/wanita-warga-asing-disiasat-kes-bunuh-dalam-ladang-sawit/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 52 | **IBU MAUT NAHAS KETIKA HANTAR ANAK KE SEKOLAH** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/265422/berita/semasa/ibu-maut-nahas-ketika-hantar-anak-ke-sekolah | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 53 | **PBAG BERI SINAR KEPADA KANAK-KANAK TANPA WARGANEGARA** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=NKs4ib2Q1Ew | YOUTUBE |

27/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 54 | **TITIPKAN DOA UNTUK ANAK SAYA...** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/981675/titipkan-doa-untuk-anak-saya | HMETRO.COM.MY |

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 2 WANITA TABUR BAKTI DIDIK 25 KANAK-KANAK ORANG ASLI | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 23 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 2 wanita tabur bakti didik 25 kanak-kanak Orang Asli

**Gua Musang:** Demi mahu melihat anak masyarakat Orang Asli maju dalam pelajaran sehingga ke peringkat lebih tinggi, dua wanita yang juga dari suku Temiar sedia berkorban mendidik mereka meskipun tiada dibayar sebarang elaun.

Dua guru wanita Orang Asli, Malina Jasmin, 35, dan Norazsikin Azmi, 28, ini gigih mengajar anak Orang Asli itu di Pusat Pendidikan Komuniti Pos Gob yang ditubuhkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersama CIMB Islamic sejak enam tahun lalu.

Malina dan Norazsikin mengajar seramai 25 orang kanak-kanak berumur antara empat hingga sembilan tidak lagi menerima elaun sejak setahun lalu apabila kontrak pembiayaan ditamatkan dan Pusat Pendidikan Komuniti Pos Gob akan diserahkan kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) atau pihak Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas).

Norazsikin berkata kerana sayangkan pusat komuniti itu, dia bersama tiga lagi guru tetap meneruskan mengajar kanak-kanak terbabit.



*Malina (kiri) dan Norazsikin sedang mengajar anak Orang Asli di Pusat Pendidikan Komuniti Pos Gob, Gua Musang.* (Foto Paya Linda Yahya/BH)

Sebelum ini mereka dibayar elaun sebanyak RM500 sebulan bagi mengajar kanak-kanak Orang Asli.

"Namun, sejak Jun tahun lalu, kami sudah tidak menerima elaun kerana kontrak pembiayaan sudah tamat. Saya pasrah dengan situasi ini.

"Hanya kami berharap pusat pendidikan ini diteruskan kerana ibu bapa di sini risau jika anak mereka dihantar ke sekolah jauh dari kampung. Anak-anak masih kecil tidak pandai berdikari dan menguruskan diri mereka.

"Apabila tengok mereka tak dapat pergi sekolah memang rasa macam kecewa dan sedih kerana rugilah mereka tak dapat belajar.

"Kami bertekad akan terus membantu anak komuniti Orang Asli di kampung halaman sendiri," katanya yang sempat melanjutkan pelajaran ke Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Machang untuk tiga semester.

## Bergilir-gilir mengajar

Malina pula berkata, mereka akan bergilir-gilir mengajar di pusat komuniti itu selama dua jam sehari bermula 9 hingga 11 pagi.

Katanya, kelas yang diadakan itu bagi membantu kanak-kanak Orang Asli supaya tidak tercicir dalam bidang pendidikan.

"Ibu bapa Orang Asli tidak mahu menghantar anak mereka yang masih kecil ke Sekolah Kebangsaan (SK) Kuala Betis kerana jaraknya yang jauh dari Pos Gob, selain risiko kemungkinan anak-anak akan tidur dalam hutan, andainya jalan dan kenderaan yang membawa mereka rosak dalam perjalanan.

"Kanak-kanak Orang Asli ini akan dihantar ke sekolah kebangsaan apabila memasuki Tahun Lima iaitu berusia 10 tahun," katanya berpengalaman mengajar anak Orang Asli selama 10 tahun.

Katanya, sebelum mengajar di Pusat Komuniti itu, dia adalah guru Tabika Kemas di kampung itu bermula pada 2011 hingga 2015.

"Namun, Tabika Kemas ditutup sepenuhnya dua tahun selepas itu. Disebabkan itu pihak UKM bersama CIMB Islamic menubuhkan sebuah Pusat Pendidikan Komuniti untuk membantu kanak-kanak Orang Asli mendapat pendidikan awal sebelum diserapkan ke sekolah aliran utama.

"Saya berasa seronok apabila bersama anak murid sendiri. Kami senang berkomunikasi kerana kebanyakan mereka boleh faham dengan kita.

"Kami menggunakan dua bahasa campuran iaitu bahasa Melayu dan bahasa Temiar ketika proses pembelajaran supaya mereka lebih cepat memahami sebelum ke sekolah arus perdana apabila berumur 10 tahun," katanya.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | IBU TERKORBAN, DUA BUDAK PARAH NAHAS KE SEKOLAH | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Ibu terkorban, dua budak parah nahas ke sekolah

**Kluang:** Rutin seorang suri rumah menghantar anaknya ke sekolah, berakhir tragedi pagi semalam, apabila maut selepas Perodua Viva dipandunya bertembung Axia di Kilometer 77, Jalan Johor Bahru-Air Hitam.

Ketua Polis Daerah Kluang, Asisten Komisioner Bahrin Mohd Noh, berkata ketika nahas jam 7 pagi itu, suri rumah yang dikenali sebagai Nor Hayati, 45, maut di lokasi nahas akibat parah di dada dan kaki.

Beliau berkata, dua lagi anak mangsa, Muhammad Asyraff Putra, 6, yang duduk di hadapan dan Muhammad Azzam Putra, 8, duduk di belakang, parah dan kini ditempatkan dalam Zon Merah Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, di sini.

"Siasatan awal, mendapati lori Nissan dan Perodua Axia dari arah sama iaitu dari arah Air Hitam menghala ke Simpang Renggam, manakala Perodua Viva dari arah bertentangan.

"Apabila sampai di tempat kejadian, Perodua Axia dipercayai hilang kawalan lalu memasuki laluan bertentangan dan melanggar Perodua Viva.

"Perodua Axia kemudian berpusing dan masuk semula ke laluannya dan berlanggar dengan lori Nissan.

"Akibat perlanggaran itu, pemandu Perodua Viva meninggal dunia di tempat kejadian.

"Muhammad Asyraff disyaki alami pendarahan dalam kepala, perut dan patah tangan sebelah kiri manakala abangnya, Muhammad Azzam, 8, disyaki alami pendarahan dalam kepala dan patah peha kiri," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, dua lagi anak si mati yang lain cedera dan masih menerima rawatan di Klinik Kesihatan Simpang Renggam.

"Penumpang belakang Putri Ainnur Umairah, 9, cedera di kaki sebelah kiri dan abangnya, Muhammad Airell Putra, 16, cedera di kepala, kaki sebelah kiri dan mereka masih menerima rawatan di Klinik Kesihatan Simpang Renggam," katanya.

Bahrin berkata, pemandu dan penumpang Perodua Axia mengalami kecederaan dan masih menerima rawatan di sebuah hospital swasta di sini.

"Pemandu lori Nissan tidak cedera dan kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987," katanya.



*Kenderaan mangsa yang terbabit dalam nahas di Kilometer 77, Jalan Johor Bahru - Air Hitam, di Kluang pagi semalam.*
(Foto ihsan bomba)

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | INSPEKTOR SHEILA DIDAKWA UGUT, AIBKAN KEHORMATAN | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Inspektor Sheila didakwa ugut, aibkan kehormatan

## Tertuduh mengaku tidak bersalah tiga pertuduhan Kanun Keseksaan

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

**Selayang:** Seorang inspektor wanita tular di media sosial, dihadapkan ke Mahkamah Majistret Selayang, di sini semalam atas tiga pertuduhan mengugut dan mengaibkan kehormatan seorang anggota polis berpangkat lans koperal serta dua orang awam.

Sheila Sharon Steven Kumar atau lebih dikenali dengan nama Inspektor Sheila di media sosial, mengaku tidak bersalah dan memohon dibicarakan di atas ketiga-tiga tuduhan berkenaan.

"Saya tidak mengaku bersalah dan mohon dibicarakan. Saya faham pertuduhan," katanya selepas tuduhan dibacakan jurubahasa Mahkamah di hadapan Majistret Chai Guan Hock.

Sheila didakwa mengugut seorang wanita dengan niat untuk mendatangkan kegentaran kepada mangsa mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman maksimum penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Dia juga didakwa menghina kesopanan seorang lelaki dengan berkata; "You tengok badan you, gemuk, botak dan badak sumbu" mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman maksimum penjara lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.



*Sheila tiba di Mahkamah Majistret Selayang bagi menghadapi tiga pertuduhan jenayah.* (Foto Elzairi Shamsudin/BH)

Di hadapan Majistret Nor Hafizah Rajuni, pula tertuduh mengaku tidak bersalah menyebut pangkat lans koperal dengan cara tidak wajar kepada Lans Koperal Abdul Arif Farhan Abdul Razak dengan maksud mengaibkan kehormatannya.

Semua kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah kedai makan di Jalan SG 1/1, Taman Sri Gombak, di sini masing-masing pada jam 12 tengahari dan 1 petang pada 15 Jun lalu.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Wan Nur Iman Wan Ahmad Afzal menawarkan jaminan RM8,000 kepada tertuduh, manakala Anis Farhah Ahmad Hilmi pula menawarkan jaminan sebanyak RM3,000.

Guan Hock kemudian membenarkan tertuduh dijamin sebanyak RM3,000 dengan seorang penjamin, manakala Nor Hafizah mengenakan jaminan sebanyak RM2,000.

Sementara itu peguam bela M Manoharan dalam rayuan pembelaan bagi diringankan wang ikat jamin memohon supaya anak guamnya diberikan wang ikat jamin yang rendah atau dilepaskan dengan bon tanpa jaminan.

Manoharan berkata, anak guamnya yang mempunyai ijazah dalam bidang bahasa dan linguistik daripada Universiti Malaya (UM), sudah berkhidmat dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM) sejak 2016.

Peguam itu berkata, bapa tertuduh juga sudah berkhidmat selama 39 tahun di PDRM dengan pangkat terakhir sebagai asisten superintendan dan adik tertuduh juga berkhidmat dalam PDRM.

### Perintah tahan kerja

Sementara itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) semalam mengumumkan perintah tahan kerja terhadap Sheila Sharon.

Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard, Datuk Seri Azri Ahmad, berkata perintah tahan kerja mengikut Seksyen 78 Akta Polis 1967 sudah disempurnakan terhadap pegawai berkenaan.

"Sehubungan itu segala kuasa-kuasa, hak dan keistimewaan subjek (Sheila) sebagai seorang pegawai polis adalah tergantung sehingga diputuskan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT)," katanya kepada media, semalam.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KERAJAAN PERLU WUJUD AKTA KHUSUS LINDUNGI PELAJAR LATIHAN INDUSTRI | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |


# Kerajaan perlu wujud akta khusus lindungi pelajar latihan industri

- Jika elaun latihan industri diwajibkan pada kadar tertentu, majikan tentu akan lebih berhati-hati memilih pelajar sebagai pulangan balik bagi kos ditanggung syarikat
- Soal elaun latihan industri sudah menjadi keperluan, bukan sekadar kehendak kerana membabitkan pelbagai kos seperti pengangkutan, penginapan dan makanan


Oleh Dr Elya Nabila Abdul Bahri
bhrencana@bh.com.my





Pensyarah Kanan di Jabatan Ekonomi, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya (UM)


**Isu** bayaran elaun kepada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) menjalani latihan industri menjadi polemik apabila jumlah diberikan didakwa terlalu rendah, malah ada syarikat tidak memberikan sebarang bayaran hingga dianggap seperti 'buruh percuma'.

Sebenarnya, kebanyakan pelajar memohon tempat latihan industri berhampiran kediaman untuk menjimatkan kos perjalanan, penginapan dan makan. Walaupun tempat latihan industri dimohon hanyalah syarikat kecil di luar bandar, kelangsungan kehidupan dan keperluan mengikuti latihan industri sangat diutamakan.

Ada juga pelajar meletakkan keutamaan dalam pemilihan tempat berdasarkan kadar elaun akan diterima untuk menampung kos menjalani latihan industri. Selain itu, ada mengutamakan tempat di syarikat ternama dan kukuh serta tidak kurang juga memilih tempat jika mempunyai kenalan dalam organisasi berkenaan.

Hakikatnya, untuk jangka panjang bagi kebolehpasaran kerja graduan, ada sesetengah syarikat melihat tempat latihan industri sebagai suatu aspek penting sebelum mengambil seseorang calon itu bekerja.

Tempat dan tugas latihan industri dilihat sebagai bentuk pengalaman kerja seseorang calon. Tempat latihan industri dengan syarikat besar dan berprestij memberikan persepsi calon mempunyai pendedahan pengalaman kerja baik.

Namun, kebanyakan syarikat besar berada di bandar atau pinggir bandar hingga menyebabkan pelajar latihan industri terpaksa menyewa bilik dengan kos tinggi. Bukan semua pelajar bernasib baik untuk tinggal berhampiran tempat latihan industri.

Dengan aktiviti perniagaan dan operasi syarikat sangat sibuk, proses pengambilan serta pemberian elaun pelajar latihan industri dipraktikkan selama ini atas dasar pilihan serta sukarela oleh syarikat.

Dalam hal ini, jika elaun latihan industri diwajibkan pada kadar tertentu, majikan tentu akan lebih berhati-hati memilih pelajar untuk memastikan perkhidmatan cemerlang dapat diberikan sebagai pulangan balik bagi kos ditanggung syarikat. Ini akan menjadikan persaingan antara pelajar untuk mendapat tempat latihan industri semakin sengit.

Berkemungkinan pelajar mempunyai prestasi akademik baik, aktif dalam aktiviti kokurikulum dan mempunyai ciri nilai insan baik akan dipilih. Persaingan sihat ini mendorong pelajar memberikan prestasi baik dalam pelbagai perkara dari awal masuk ke IPT.

## Aplikasi ilmu dipelajari di universiti

Hakikatnya, walaupun pelajar tidak diiktiraf sebagai pekerja dalam syarikat, majikan boleh melihatnya sebagai rakan kerjasama universiti untuk bersama-sama membangunkan syarikat.

Pelajar bermutu dapat menyumbang idea, ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk mempertingkatkan produktiviti serta kualiti kerja syarikat. Mereka juga dapat mengaplikasikan ilmu dipelajari di universiti.

Di samping melakukan tugasan diberikan majikan dan menunjukkan minat mempelajari sesuatu yang baharu, secara tidak langsung pelajar dapat bertindak sebagai rakan kerjasama universiti serta membantu pelaksanaan kerja bersama pekerja sedia ada dalam organisasi.

Oleh itu, majikan mendapat manfaat daripada program latihan industri termasuk untuk jangka panjang apabila hubungan baik antara syarikat dengan universiti membolehkan kerjasama dua hala dalam pelbagai bentuk seperti penyelidikan, konsultansi, latihan, pengajaran dan pembelajaran serta seminar industri.

Selain pemberian markah penilaian majikan pada akhir tempoh latihan industri, kudrat usaha dan tenaga kerja disumbangkan pelajar walau hanya beberapa bulan perlu dipertimbangkan.

Dalam hal ini, elaun latihan industri tidak boleh dilihat sebagai beban kos semata-mata oleh syarikat. Meneruskan kelangsungan hidup sepanjang tempoh latihan industri perlu disokong dengan pemberian elaun dengan jumlah wajar.

Keberadaan setiap hari pada waktu bekerja di syarikat sepanjang tempoh latihan industri memerlukan kos tidak dapat dielakkan. Bukan semua pelajar bernasib baik mendapat tempat latihan industri berhampiran tempat kediaman keluarga, sebaliknya ramai terpaksa menanggung kos penginapan agak tinggi terutama di bandar.

Soal elaun latihan industri sudah menjadi keperluan, bukan sekadar kehendak kerana ia membabitkan kos pengangkutan, penginapan, makanan, teknologi maklumat dan komunikasi.

Kos hidup di kampus tidak sama dengan kos hidup sebenar kerana banyak subsidi diberikan di dalam kampus hingga menyebabkan makan, penginapan dan pengangkutan dalam kampus lebih murah.

Dengan kehidupan dan kos sara hidup di bandar, wang diperoleh daripada pinjaman pendidikan atau biasiswa hanya dapat bertahan beberapa bulan dalam tempoh latihan industri.

Bagaimanapun kita akui jumlah elaun latihan industri tidak boleh disamakan dengan kadar gaji minimum pekerja walaupun beban tugas hampir sama. Adalah tidak wajar sekiranya pelajar membandingkan jumlah elaun dengan gaji pekerja sepenuh masa sebagai suatu bentuk penindasan.

Tugasan kerja diberikan dalam latihan industri menjadi peluang dan proses pembelajaran. Lagi banyak tugasan dilaksanakan, lebih banyak perkara boleh dipelajari dan lebih berharga pengalaman kerja dimiliki.

Latihan industri perlu dijalani pelajar adalah laluan untuk bergraduat kerana pengalaman berharga sepanjang tempoh pembelajaran termasuk ketahanan mental, fizikal dan emosi sangat penting dalam menghasilkan graduan berkualiti tinggi.

Justeru, kerajaan disarankan untuk mewujudkan akta khusus bagi melindungi pelajar latihan industri. Adalah diharapkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT); Kementerian Sumber Manusia; Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup; Persatuan Majikan Malaysia (MEF) serta Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) berbincang untuk merangka polisi sesuai bagi melindungi pelajar latihan industri.

Antara perkara perlu diketengahkan ialah takrifan pelajar latihan industri, pengiktirafan sumbangan tenaga kerja pelajar, kadar minimum elaun pelajar, kesesuaian tugasan diberikan, hak sebagai pelajar dan industri serta isu perlindungan keselamatan dan kesihatan pelajar.

Hakikatnya, usaha menambah baik latihan industri dan meningkatkan penjagaan kebajikan mereka adalah usaha bersama dalam menghasilkan graduan berkualiti bagi menjamin masa depan negara lebih baik.

> "Usaha menambah baik latihan industri dan meningkatkan penjagaan kebajikan mereka adalah usaha bersama dalam menghasilkan graduan berkualiti bagi menjamin masa depan negara lebih baik"

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KONGSI INFORMASI BUKAN 'LESEN' GURU SEBAR AKTIVITI MURID DI MEDIA SOSIAL | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Kongsi informasi bukan 'lesen' guru sebar aktiviti murid di media sosial

**Mohd Zulhilmi Jamlil**
Kuala Lumpur

**Guru** berperanan penting sebagai pemangkin kepada perkembangan insan yang holistik, sesuai dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Tanggungjawab guru amat besar bagi memastikan pencapaian pendidikan mampu bersaing pada peringkat global.

Perkembangan pendidikan menuntut guru menguasai teknologi, seiring dengan pendidikan abad ke-21. Perkara ini menggalakkan guru untuk menggunakan peranti bagi menjamin kualiti pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang bersifat lebih kreatif dan kompeten.

Penggunaan peranti seperti telefon pintar ketika PdPc sebenarnya tidak dibenarkan, melainkan bertujuan sebagai alat bantu mengajar. Namun, ada segelintir guru yang membawa telefon pintar ke bilik darjah atas urusan peribadi, bukannya untuk mengoptimumkan penggunaan teknologi berkenaan dalam PdPc.

Tindakan itu dianggap bertentangan dengan amalan PdPc yang dilaksanakan oleh guru. Malah, ia melanggar etika profesionalisme perguruan yang perlu dipatuhi. Bukan itu sahaja, bermain telefon pintar untuk membalas mesej daripada rakan ketika PdPc pun sudah menjadi kesalahan bagi seorang guru. Apatah lagi sehingga menyebarkan gambar atau video murid ke dalam media sosial.

Tidak dinafikan, kewujudan media sosial mendorong individu untuk berkongsi informasi. Bagaimanapun, ia bukan lesen kepada guru untuk memaparkan segala aktiviti formal di sekolah.

## Kesalahan besar

Sayangnya, kebelakangan ini ada segelintir guru yang menganggap hal di sekolah boleh dikongsi, malah ia sudah menjadi seakan-akan kelaziman pula. Malah ia dipaparkan untuk tatapan umum di pelbagai aplikasi media sosial, baik dalam kalangan guru yang sudah lama berkhidmat, pelatih atau pengganti.

Sebagai seorang pendidik, sememangnya menjadi kesalahan besar apabila menyebarkan hal membabitkan kerahsiaan murid ke dalam media sosial tanpa kebenaran. Guru perlu sentiasa menghormati murid dan tidak menjadikan mereka sebagai kandungan dalam media sosial untuk kepentingan diri sendiri.

Setakat ini, sudah banyak video yang tular mengenai hal sebegini. Malah, isu ini kerap kali disuarakan, tetapi masih tidak menemui jalan penyelesaian disebabkan sikap guru yang mementingkan diri sendiri dan mengejar populariti. Ada antara guru bersikap acuh tak acuh, walaupun menerusi rakaman sebegitu mereka sebenarnya boleh dikenakan tindakan.

Namun, kita tidak boleh pukul rata atau menuding jari kepada guru. Ramai antara mereka yang sangat mementingkan nilai profesionalisme sejak mula berbakti dalam bidang pendidikan.

Justeru, tindakan guru membuat hantaran berbentuk gambar dan video murid sewenang-wenangnya ke dalam media sosial adalah tindakan yang dilarang. Budaya itu perlu dielakkan bagi membolehkan guru lebih fokus terhadap tugas hakikinya, iaitu mendidik, mengasuh dan mengajar murid.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NASIHAT GUAMAN PERCUMA BANTU MANGSA KEGANASAN, PENIPUAN | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 23 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Nasihat guaman percuma bantu mangsa keganasan, penipuan

## Orang ramai boleh bertemu peguam secara bersemuka disediakan di 56 DUN Selangor

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my



*Orang ramai bertemu peguam pada Projek Peguam–Bela Keadilan Rakyat bagi mendapatkan khidmat nasihat perundangan secara percuma.*

**Petaling Jaya:** Individu yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga, gangguan seksual kanak-kanak atau kes penipuan boleh mendapatkan khidmat nasihat perundangan percuma disediakan oleh Projek Peguam-Bela Keadilan Rakyat.

Khidmat Projek Peguam-Bela Keadilan Rakyat boleh bertemu secara bersemuka dengan peguam yang menjadi sukarelawan untuk mendapatkan nasihat, selain boleh mengakses *www.peguambelarakyat.com* bagi mendapatkan bantuan.

Projek itu adalah anjuran bersama Angkatan Muda Keadilan Malaysia (AMK), Biro Guaman dan Undang-Undang Wanita Keadilan serta Biro Guaman AMK Selangor.

Sebagai permulaan projek ini akan diadakan di 56 Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor sebelum diperluaskan ke seluruh negara.

Ketua Biro Guaman dan Undang-Undang Wanita Keadilan Pusat, Rabiatul Adawiyah Sulaiman, berkata tujuan utama projek itu untuk membantu mendapatkan keadilan kepada golongan memerlukan.

"Projek itu tertumpu kepada isu membabitkan keganasan rumah tangga, gangguan seksual di tempat kerja, gangguan seksual kanak-kanak, kes penipuan serta melindungi hak golongan penghantar makanan.

"Kami akan turun ke setiap DUN untuk membuat advokasi seterusnya membantu mereka yang memerlukan nasihat guaman," katanya selepas pelancaran Projek Peguam-Bela Keadilan Rakyat di sini, baru-baru ini.

Majlis disempurnakan Ketua Wanita Pusat yang juga Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek.

Rabiatul Adawiyah berkata, masyarakat memerlukan khidmat guaman, tapi tidak berkesempatan bertemu pada sesi advokasi, boleh mendapatkan bantuan menerusi laman web disediakan.

Mereka hanya perlu mengisi butiran peribadi, menyatakan jenis permasalahan dihadapi, kemudian peguam bertanggungjawab akan menghubunginya.

"Menariknya ia terbuka kepada semua orang dan kita akan cuba membantu. Cuma bantuan diberikan terhad. Setakat ini hanya percuma dari segi mendapatkan khidmat nasihat dan pendapat undang-undang.

"Untuk perkhidmatan menguruskan kes, bergantung kepada peguam yang uruskan kes itu sama ada mahu kenakan yuran atau sebaliknya.

"Namun, jika jika ada peruntukan, pada masa depan mungkin kita akan tawarkan perkhidmatan menguruskan kes secara percuma," katanya.

### Mudah diakses

Terdahulu, ketika berucap Fadhlina berkata, projek itu membolehkan mereka golongan terbabit mendapat nasihat dan pandangan guaman yang tepat dan berjumpa pakar terlebih dahulu.

Ketika ini, ramai khususnya di luar bandar tidak tahu bagaimana mendapatkan bantuan sedemikian, selain tiada kesedaran dan bimbang dengan kos guaman.

"Dengan projek ini memudahkan akses khidmat guaman bagi menyelesaikan masalah mereka.

"Ia juga jadi medan peguam untuk berlatih menguruskan pelbagai isu semasa berkaitan masyarakat dan komuniti dengan lebih berkesan," katanya yang menyumbang RM20,000 bagi membantu gerak kerja projek itu.

Ahli Majlis Pimpinan AMK, Bryan Ng Yih Miin, berkata kini pihaknya dalam usaha untuk mengumpulkan lebih ramai sukarelawan terutama di setiap negeri.

Katanya, ia bagi memudahkan gerak kerja di setiap negeri berikutan projek itu akan diperluaskan di seluruh negara.

"Projek ini memerlukan lebih ramai peguam berkepakaran berbeza di setiap negeri. Setakat ini sudah ada peguam syariah, pengurusan harta, jenayah dan perceraian," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NINI YUSOF DILANTIK CEO MPTN, PRIMEWORKS STUDIOS | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 15 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Nini Yusof dilantik CEO MPTN, Primeworks Studios



*Nini akan mengetuai operasi TV3, TV9, 8TV, ntv7, Tonton dan Primeworks Studios.*

## Media Prima umum pelantikan berkuat kuasa 1 Ogos 2023

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Media Prima Berhad mengumumkan pelantikan Nini Yusof sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) baharu Media Prima Television Networks (MPTN) dan Primeworks Studios berkuat kuasa pada 1 Ogos 2023.

Nini akan menggantikan Datuk Khairul Anwar Salleh yang memilih untuk meninggalkan kumpulan bagi memberi tumpuan yang lebih terhadap minat beliau dalam bidang seni lukis dan penulisan kreatif.

Sebagai CEO, Nini akan mengetuai operasi TV3, TV9, 8TV, ntv7, Tonton dan Primeworks Studios.

Beliau melapor kepada Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima, Rafiq Razali.

Sebelum ini, Nini ialah Timbalan CEO MPTN dan Primeworks Studios.

Beliau memegang beberapa jawatan kepemimpinan utama di dalam Media Prima sejak menyertai kumpulan pada 2012.

Jawatan utama terdahulunya termasuk Pengarah Jualan dan Strategi MPTN serta Ketua Pegawai Kandungan Media Prima Omnia dan Primeworks Studios.

Selain mengurus operasi penyiaran dan kandungan kumpulan di dalam negara, beliau mengetuai beberapa kerjasama kandungan yang mendapat rating tinggi dengan penyiar antarabangsa dan rakan kongsi seperti SBS untuk Masters In The House Malaysia, E! Entertainment untuk E! News dan Cooking For You yang akan dilancarkan tidak lama lagi, sebuah program kulinari hasil inisiatif kerjasama lima negara di bawah Kesatuan Penyiaran Asia-Pasifik (ABU).

### Lancar Wowshop pada 2016

Pada 2016, beliau melancarkan usaha sama antara Media Prima dan CJENM bagi perniagaan Home Shopping dan e-dagang, CJ Wow Shop (Wowshop).

Usaha sama ini adalah inisiatif transformasi perniagaan penting yang bertujuan untuk meluaskan sumber aliran pendapatan kumpulan.

Sebelum menyertai Media Prima, Nini berkhidmat dengan NBC Universal. Sebelum itu, beliau bersama Fox Networks Group dan STAR TV.

Berpangkalan di Singapura, beliau bertanggungjawab terhadap jualan dan pemasaran rakan kongsi, pengedaran di sembilan pasaran untuk lebih daripada 20 saluran termasuk saluran National Geographic Channels, FOX, dan STAR yang ikonik.

Beliau juga sebahagian daripada pasukan pembangunan filem Fox International Productions untuk pasaran Indonesia.

Nini memulakan kerjayanya bersama KPMG.

Mengulas pelantikan itu, Rafiq dalam satu kenyataan berkata: "Kami gembira mengumumkan Nini sebagai CEO baharu MPTN dan Primeworks Studios. Pengalaman yang luas di dalam segmen media tempatan dan serantau yang beliau miliki adalah sangat berharga kepada kumpulan untuk terus menyediakan kandungan berkualiti tinggi buat audiens dan penyelesaian inovatif kepada pengiklan.

"Rekod prestasinya yang terbukti dengan Media Prima akan memastikan peralihan operasi serta integrasi yang lancar dalam peranan baharu ini ketika kami terus bergerak maju di dalam lanskap media yang berkembang pesat."

Beliau berkata, Media Prima mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Khairul atas sumbangan beliau kepada pertumbuhan serta kejayaan MPTN dan Primeworks Studios sepanjang perkhidmatan beliau sebagai CEO.

"Sumbangan Datuk Khairul kepada syarikat amat penting dalam mengekalkan kedudukan kami sebagai rangkaian televisyen terkemuka di Malaysia. Kami mendoakan yang terbaik kepada beliau dalam usaha masa depannya," katanya.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | RUMAH PENDUDUK DI 2 KAMPUNG ROSAK DILANDA RIBUT | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT : | 22 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Rumah penduduk di 2 kampung rosak dilanda ribut

**Pasir Puteh:** Lebih 10 keluarga di Kampung Permatang Rambai cemas apabila kediaman mereka dilanda ribut, kelmarin.

Dalam kejadian pada jam 7 malam kebanyakan rumah penduduk rosak teruk di bahagian dapur dan bilik tidur.

Penduduk, Fatimah Salleh, 62, berkata beliau hanya mampu berdoa selepas terdengar dentuman kuat pokok tumbang.

"Kejadian berlaku sekejap sahaja kira-kira lima minit. Lepas bunyi dentuman kuat, anak beritahu ada pokok tumbang hempap rumah kami.

"Semalaman kami tidur dalam keadaan takut," katanya di Kampung Permatang Rambai, di sini, semalam.

Jirannya, Apzarizal Md Daud, 39, berkata beliau melaungkan azan sebaik terlihat kepulan asap putih yang tebal melintasi rumahnya.

Katanya, selepas kali kedua azan, baru ribut reda, kira-kira tujuh pokok besar tumbang di belakang rumahnya.

"Ini mungkin mengambil masa seminggu untuk membersihkan kawasan," katanya.

## Atap rumah 'terbang'

Sementara itu, di **Jempol**, beberapa rumah di Kampung Baru Rompin juga rosak akibat ribut pada jam 4.40 petang kelmarin.

Pesara polis, Sanusi Saat, 64, berkata ketika kejadian, beliau dan isteri berada di rumah anak sulung di Sendayan, Seremban kerana baru pulang menghadiri perbarisan tamat latihan asas tentera darat anak ketiga di Port Dickson.

"Saya berdebar dan cuak sebaik dimaklumkan ibu saudara dan menghantar gambar rumah kami rosak teruk," katanya.

Sanusi berkata, itu kejadian pertama sejak tinggal di kampung berkenaan dari 2005 dan beliau reda dengan ujian Allah.

Sementara itu, Azhar Mohd Esab, 41, juga Kampung Baru Rompin berkata, beliau melihat angin berpusing-pusing menghentam pokok kelapa, sebelum menerbangkan atap rumah.

Katanya, dalam keadaan yang berlaku lebih kurang dua minit ketika hujan, beliau menyuruh isteri dan seorang anak segera keluar rumah.



*Fatimah membersihkan ruang dapur rumah yang dilanda ribut di Kampung Permatang Rambai, Pasir Puteh, kelmarin.* (Foto BERNAMA)



*Sanusi menunjukkan rumahnya yang rosak teruk akibat ribut di Kampung Baru Rompin, Jempol, kelmarin.* (Foto Abnor Hamizam Abd Manap/BH)

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA DIPERDAYA RM3.5J BEBASKAN ANAK DI PENJARA | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Wanita diperdaya RM3.5j bebaskan anak di penjara

## Warga emas bayar berperingkat selama 4 tahun kepada suspek

Oleh Mary Victoria Dass
bhnews@bh.com.my

**Johor Bahru:** Seorang ahli perniagaan menyerahkan RM3.5 juta kepada seorang lelaki warga tempatan secara berperingkat dalam tempoh empat tahun, bagi membantu membebaskan anak perempuannya yang ditahan di penjara Kajang.

Timbalan Ketua Polis Johor, Deputi Komisioner M Kumar, berkata pada pertengahan Jun ini, polis menerima aduan daripada wanita warga emas berusia 67 tahun berkenaan yang mendakwa diperdaya dalam urusan membebaskan anak perempuannya.

Beliau berkata, anak wanita itu berusia 38 tahun dalam tahanan atas kesalahan mengikut Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) atau Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (Sosma) sejak 2019.

Katanya, wanita berkenaan mendakwa mengenali suspek yang juga warga tempatan sejak Mac 2020 dan menawarkan untuk membantu membebaskan anak perempuannya.

### Dakwa boleh selesai kes

Kumar berkata, suspek menyakinkan wanita itu dengan dia boleh berhubung pegawai penyiasat kes bagi membebaskan anaknya, sekaligus menyelesaikan kes terbabit dengan secepat mungkin.

"Wanita itu dikenakan syarat untuk memberikan sejumlah wang kepadanya untuk urusan terbabit.

"Percaya dengan kata suspek, wanita itu menyerahkan wang tunai secara berperingkat antara Mac 2020 hingga Jun 2023 kepada suspek sehingga mencecah RM3.5 juta.

> "Polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Kontijen Johor dan dibantu Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman membuat tangkapan atas suspek di Johor Bahru pada 16 Jun"
>
> ***M Kumar,*** *Timbalan Ketua Polis Johor*



"Walaupun bayaran sudah dijelaskan, pengadu mendapati anaknya tidak dibebaskan dan suspek memberi pelbagai alasan," katanya.

Kumar berkata, mangsa kemudian membuat laporan polis kerana ditipu suspek.

Beliau berkata, polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Kontijen Johor dan dibantu Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman membuat tangkapan atas suspek di Johor Bahru pada 16 Jun.

Menurutnya, suspek berusia 35 tahun ditahan bagi membantu siasatan atas kesalahan menipu mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

"Jika disabit kesalahan, boleh dihukum penjara 10 tahun dan sebatan dan denda.

"Polis menasihatkan orang ramai supaya lebih berhati-hati apabila berurusan dengan individu tidak dikenali," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA WARGA THAILAND MAUT NAHAS | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita warga Thailand maut nahas

**Mersing:** Wanita warga Thailand maut, manakala 14 yang lain cedera dalam kemalangan membabitkan tiga kenderaan di kilometer 14 Jalan Jemaluang di sini kira-kira 3 pagi semalam.

Ketua Polis Daerah Mersing, Superintendan Abdul Razak Abdullah Sani, berkata, mangsa dikenali sebagai Steenurhalisa Useng, 22, maut akibat parah di muka.

Katanya, kemalangan dipercayai berpunca akibat sebuah BMW X5 dipandu seorang lelaki tempatan hilang kawalan sewaktu melalui jalan berselekoh, lalu memasuki laluan bertentangan.

"BMW X5 berkenaan lalu bertembung dengan dua kenderaan lain, iaitu Perodua Myvi dan Mitsubishi Grandis yang datang dari arah Johor Bharu.

"Akibat kemalangan ini, seorang penumpang kenderaan Mitsubishi Grandis iaitu seorang wanita warganegara Thailand meninggal dunia di tempat kejadian akibat cedera parah di bahagian muka.

"Seorang lagi penumpang kenderaan ini seorang lelaki warga tempatan cedera patah tangan, manakala 13 orang mangsa lain mengalami cedera ringan," katanya semalam.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'INSPEKTOR SHEILA' TAK MENGAKU SALAH | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



SHEILA hadir di mahkamah bersama peguam bagi menghadapi tiga pertuduhan terhadapnya, semalam. - Gambar NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN

**AIBKAN ANGGOTA POLIS, ORANG AWAM**

# 'Inspektor Sheila' tak mengaku bersalah

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediaprima.com.my

**Selayang**

Pegawai polis wanita yang tular dikenali sebagai 'Inspektor Sheila' didakwa di dua Mahkamah Majistret di sini, semalam atas tiga pertuduhan mengugut dan mengaibkan kehormatan seorang anggota polis berpangkat lans koperal dan dua orang awam.

Bagaimanapun, tertuduh, Sheila Sharon Steven Kumar, 35, seorang inspektor, mengaku tidak bersalah atas ketiga-tiga pertuduhan yang dibacakan di hadapan Majistret Nur Hafizah Rajuni dan Chai Guan Hock.

Mengikut pertuduhan di hadapan Nur Hafizah, Sheila yang sudah digantung kerja didakwa menyebut berkenaan pangkat lans koperal dengan cara tidak wajar kepada Abdul Arif Farhan Abdul Razak dengan maksud untuk mengaibkan kehormatan penama itu di sebuah kedai makan di Jalan SG1/1, Taman Sri Gombak, Gombak di sini, pada jam 1.25 tengah hari, 15 Jun lalu.

Oleh itu, Sheila didakwa mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Sementara itu, pertuduhan di hadapan Chai pula, Sheila didakwa untuk dua lagi pertuduhan iaitu mengugut seorang wanita berusia 69 tahun bernama M Silverkoomarie, 69, dengan niat untuk mendatangkan kegentaran kepada mangsa dan menghina kesopanan seorang lelaki berusia 41 tahun, seorang lelaki, P Taneswaran, 31, dengan berkata; "*You* tengok badan *you*, gemuk, botak dan badak sumbu" di tempat dan hari yang sama pada jam 12 tengah hari.

> *Bapa tertuduh juga pernah berkhidmat selama 39 tahun bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan pangkat terakhir sebagai asisten superintendan dan adik tertuduh juga berkhidmat bersama pasukan itu"*
>
> **Manoharan**

Bagi kesalahan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan dan Seksyen 506 kanun sama yang boleh dipenjara dua tahun dengan denda atau kedua-duanya. Mahkamah kemudiannya membenarkan tertuduh diikat jamin bagi kesemua pertuduhan sebanyak RM5,000 dengan seorang penjamin.

Dalam prosiding semalam, pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Wan Nur Iman Wan Ahmad Afzal dan Anis Farhah Ahmad Hilmi manakala Sheila diwakili M Manoharan. Manoharan dalam rayuannya berkata, anak guamnya adalah seorang pegawai polis yang sudah berkhidmat sejak 21 Ogos 2016.

Katanya, pihaknya memohon supaya anak guamnya diberikan ikat jamin rendah atau dilepaskan dengan bon tanpa jaminan.

Katanya, anak guamnya yang mempunyai ijazah dalam bidang Bahasa dan Linguistik daripada Universiti Malaya (UM).

Manoharan berkata, bapa tertuduh juga pernah berkhidmat selama 39 tahun bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan pangkat terakhir sebagai asisten superintendan dan adik tertuduh juga berkhidmat bersama pasukan itu.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | IBU MAUT, 2 ANAK PARAH! | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT : | 23 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Ibu maut, 2 anak parah!

## *Wanita terbabit kemalangan ketika perjalanan hantar empat anaknya ke sekolah*

**Oleh Mohamad Fahd Rahmat**
am@hmetro.com.my

**Kluang**

Seorang ibu yang dalam perjalanan menghantar empat anaknya ke sekolah maut selepas Perodua Viva dipandunya terbabit dalam kemalangan jalan raya di Kilometer 77, Jalan Johor Bahru-Air Hitam di sini, semalam.

Ketua Polis Daerah Kluang Asisten Komisioner Bahrin Mohd Noh, mangsa dikenali sebagai Nor Hayati, 45, yang juga seorang suri rumah maut akibat parah di dada dan kaki dalam kejadian kira-kira 7 pagi itu.

Katanya, manakala anaknya, Muhammad Asyraff Putra, 6, yang duduk di tempat duduk hadapan dan Muhammad Azzam Putra, 8, di tempat duduk belakang, parah dan dirawat di Zon Merah Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom di sini.



SEORANG ibu yang dalam perjalanan menghantar empat anaknya ke sekolah maut selepas Perodua Viva dipandu bertembung Perodua Axia di kilometer 77, Jalan Johor Bahru-Air Hitam di Kluang Johor. - FOTO IHSAN BOMBA

"Siasatan awal mendapati kereta dipandu mangsa dari Simpang Renggam menghala Air Hitam bertembung dengan Perodua Axia yang hilang kawalan dan masuk ke laluan bertentangan.

"Perodua Axia kemudian berpusing dan masuk semula ke laluannya dan berlanggar dengan lori Nissan.

"Pelanggaran itu menyebabkan pemandu Perodua Viva meninggal dunia di tempat kejadian manakala dua anaknya, Muhammad Asyraff Putra mengalami pendarahan dalam kepala, perut dan patah tangan kiri manakala abangnya, Muhammad Azzam Putra, disyaki alami pendarahan dalam kepala dan patah peha kiri," katanya ketika dihubungi.

Bahrin berkata, dua lagi anak Nor Hayati, Putri Ainnur Umairah, 9, cedera di kaki kiri manakala Muhammad Airell Putra, 16, cedera di kepala, kaki kiri dan menerima rawatan di Klinik Kesihatan Simpang Renggam.

Katanya, pemandu dan penumpang Perodua Axia turut cedera dan menerima rawatan di sebuah hospital swasta di sini.

"Pemandu lori tidak mengalami sebarang kecederaan dan kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI DI BAWAH PENGARUH DADAH DPERCAYAI BUNUH KEKASIH | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Lelaki di bawah pengaruh dadah dipercayai bunuh kekasih

**Ipoh:** Seorang wanita maut dipercayai dibunuh teman lelakinya yang berada di bawah pengaruh dadah di sebuah rumah kedai di Taman Song Choon di sini, awal pagi kelmarin.

Ketua Polis Daerah Ipoh Asisten Komisioner Yahaya Hassan berkata pihaknya menerima maklumat daripada seorang wanita pada 4.34 pagi kelmarin mengenai satu kejadian pergaduhan membabitkan pasangan kekasih itu di tingkat atas rumah kedai berkenaan.

*Siasatan di tempat kejadian mendapati mangsa berumur 24 tahun itu berada dalam keadaan tidak sedarkan diri terbaring di atas katil"*

**Yahaya**

"Siasatan awal di tempat kejadian mendapati mangsa berumur 24 tahun itu berada dalam keadaan tidak sedarkan diri terbaring di atas sebuah katil dan disahkan meninggal dunia oleh petugas kesihatan Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh.

"Polis menahan teman lelaki mangsa berusia 23 tahun yang mengaku telah memukul mangsa dan turut menahan tiga lagi individu berusia lingkungan 29 hingga 65 tahun termasuk ibu suspek yang berada di tempat kejadian," katanya.

Yahaya berkata mangsa dan suspek yang tinggal bersama di rumah kedai tersebut mempunyai seorang anak lelaki berusia lapan bulan dan punca pergaduhan masih dalam siasatan.

Menurut Yahaya pihaknya merampas sebatang kayu penyapu dipercayai digunakan suspek untuk memukul mangsa selain turut merampas empat telefon bimbit milik kesemua suspek.

Katanya ujian saringan air kencing yang dijalankan terhadap kesemua suspek mendapati hanya teman lelaki mangsa positif dadah jenis methamphetamine dan kesemua suspek direman selama seminggu sehingga 1 Julai bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Beliau berkata dengan tertangkapnya kesemua suspek, kes itu berjaya diselesaikan dan pihaknya akan melengkapkan siasatan kes dan merujuk kertas siasatan kepada timbalan pendakwa raya untuk cadangan pertuduhan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MOHON DOA UNTUK LUTH | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

BUDAK KETUMBUHAN OTAK AGRESIF TAHAP EMPAT DILAPOR KRITIKAL

# Mohon doa untuk Luth

**Subang**

Seorang kanak-kanak lelaki yang juga pesakit ketumbuhan otak agresif tahap empat, *Glioblastoma Multiforme* (GBM) dilaporkan kritikal sejak malam kelmarin.

Perkembangan Mas Muhammad Luth Muhammad Aliff, 5, yang ditempatkan di umit rawatan rapi (ICU) sebuah hospital swasta di sini, dikongsikan di Instagram yang dikendalikan ibu saudaranya.

Menurutnya, hampir semua ahli keluarga mereka berada di hospital memberi sokongan kepada Luth pada malam kelmarin.

"Luth dalam kritikal. Minta tolong semua doakan Luth sedar dengan stabil dan ada keajaiban untuk Luth sembuh dengan segera dan sepenuhnya.

"Mohon doa dari semua agar Allah SWT memberi kesembuhan kepada Luth yang kini sedang kritikal dan kurniakan rahmat kepada hamba-Nya," tulisnya di kapsyen.

Kelmarin, Harian Metro menyiarkan kisah Mas Muhammad Luth yang mesra disapa Luth yang memerlukan bantuan dana perubatan segera di luar negara.

Sabtu lalu, anak sulung daripada tiga beradik itu melepasi saat kritikalnya selepas ditidurkan 96 jam, namun ketika itu kanak-kanak berkenaan masih dalam keadaan separuh sedar.

Mas Muhammad Luth memerlukan rawatan segera daripada pakar berpengalaman di luar negara bagi merawat penyakit dihidapinya yang mana ia dikategorikan sebagai penyakit jarang jumpa dan memerlukan RM6 juta untuk tujuan itu.



MAS Hazirah Saifuddin (kiri) bersama anaknya, Mas Muhammad Luth. - Gambar NSTP/AZIAH AZMEE

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MPKB AKUI KELUAR KOMPAUN | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 23 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# MPKB akui keluar kompaun

**Kota Bharu:** Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) mengesahkan mengeluarkan kompaun ke atas wanita bukan Islam kerana berpakaian menjolok mata, kelmarin.

Wanita berusia 35 tahun yang menjalankan perniagaan pakaian itu dikenakan kompaun ketika pemeriksaan penguat kuasa.

Yang Dipertua MPKB Rosnazli Amin berkata, pegawainya melakukan pemeriksaan di premis terletak di Jalan Merbau itu pada 11 pagi.

"Peniaga bukan Muslim itu memakai seluar pendek di tempat awam dan kerana itu dikompaun," katanya ketika dihubungi.

Tindakan dibuat bawah Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian MPKB 1985, dengan undang-undang berkaitan pemakaian sopan sudah lama diguna pakai terhadap penduduk Kelantan termasuk bukan Islam.

Difahamkan, wanita itu mempunyai masa tujuh hari daripada tarikh notis dikeluarkan untuk menjelaskan denda, jika enggan dikenakan tindakan lanjut.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NINI YUSOF CEO BAHARU MPTN DAN PRIMEWORKS STUDIOS | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 23 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Nini Yusof CEO baharu MPTN dan Primeworks Studios



NINI Yusof

**Kuala Lumpur:** Media Prima Berhad (Media Prima) mengumumkan pelantikan Nini Yusof sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Media Prima Television Networks (MPTN) dan Primeworks Studios baharu berkuat kuasa 1 Ogos 2023.

Nini akan menggantikan Datuk Khairul Anwar Salleh yang memilih untuk meninggalkan kumpulan bagi memberi tumpuan yang lebih terhadap minat beliau di dalam bidang seni lukis dan penulisan kreatif.

Sebagai CEO, Nini akan mengetuai operasi TV3, TV9, 8TV, ntv7, tonton dan Primeworks Studios dan melaporkan kepada Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima, Rafiq Razali.

Rafiq berkata, pihaknya gembira mengumumkan Nini sebagai CEO baharu MPTN dan Primeworks Studios.

"Pengalaman yang luas dalam segmen media tempatan dan serantau yang beliau miliki adalah sangat berharga kepada kumpulan untuk terus menyediakan kandungan berkualiti tinggi buat audiens dan penyelesaian inovatif kepada pengiklan.

"Rekod prestasinya yang terbukti dengan Media Prima akan memastikan peralihan operasi serta integrasi yang lancar dalam peranan baharu ini ketika kami terus bergerak maju dalam landskap media yang berkembang pesat," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, Media Prima mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Khairul atas sumbangan beliau kepada pertumbuhan dan kejayaan MPTN dan Primeworks Studios sepanjang perkhidmatan beliau sebagai CEO.

"Sumbangan Khairul kepada syarikat amat penting dalam mengekalkan kedudukan kami sebagai rangkaian televisyen terkemuka di Malaysia.

"Kami mendoakan yang terbaik kepada beliau dalam usaha masa depannya," katanya.

Sebelum ini, Nini adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MPTN dan Primeworks Studios dan memegang beberapa jawatan kepimpinan utama di dalam Media Prima sejak menyertai Media Prima pada 2012.

Jawatan utama terdahulunya termasuk Pengarah Jualan dan Strategi MPTN serta Ketua Pegawai Kandungan Media Prima Omnia dan Primeworks Studios.

Selain mengurus operasi penyiaran dan kandungan kumpulan di dalam negara, beliau juga mengetuai beberapa kerjasama kandungan yang mendapat 'rating' tinggi dengan penyiar antarabangsa dan rakan kongsi seperti SBS untuk *Masters In The House Malaysia*, *E! Entertainment* untuk E! News dan *Cooking For You* yang akan dilancarkan tidak lama lagi iaitu program kulinari hasil inisiatif kerjasama lima negara di bawah Kesatuan Penyiaran Asia-Pasifik (ABU).

Selain itu, pada 2016, beliau melancarkan usaha sama antara Media Prima dan CJENM bagi perniagaan Home Shopping dan E-Dagang-CJ Wow Shop (Wowshop).

Usaha sama ini adalah inisiatif transformasi perniagaan penting yang bertujuan untuk meluaskan sumber aliran pendapatan kumpulan.

Sebelum menyertai Media Prima, Nini berkhidmat dengan NBC Universal dan bersama Fox Networks Group dan STAR TV.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | RM3.5J DEMI ZURIAT! | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 17 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# RM3.5j demi zuriat!

## *Ahli perniagaan ditipu angkara mahu bebaskan anak di penjara*

Oleh Mary Victoria Dass
am@hmetro.com.my

**Johor Bahru**

Seorang ahli perniagaan ditipu RM3.5 juta oleh seorang lelaki gara-gara mahu membebaskan anak perempuannya dalam tahanan di Penjara Kajang sejak 2019.

Wanita berusia 67 tahun itu membuat bayaran secara berperingkat dalam tempoh empat tahun bagi membantu membebaskan anak perempuannya yang sedang dalam tahanan atas kesalahan mengikut Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Atipsom)/ Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (Sosma).

Timbalan Ketua Polis Johor, Deputi Komisioner M Kumar berkata, pada pertengahan Jun ini, polis Johor menerima aduan daripada wanita berkenaan yang mendakwa diperdaya dalam urusan membebaskan anak perempuannya yang berusia 38 tahun itu.



“Mangsa menyerahkan wang tunai secara berperingkat antara Mac 2020 hingga Jun 2023” Kumar

Menurutnya, mangsa mendakwa mengenali suspek yang juga warga tempatan sejak Mac 2020 dan menawarkan untuk membantu membebaskan anaknya itu.

Katanya, suspek meyakinkan wanita itu dengan menyatakan boleh berhubung dengan pegawai penyiasat kes bagi membebaskan anaknya, sekali gus menyelesaikan kes terbabit dengan secepat mungkin.

“Bagaimanapun wanita itu dikenakan syarat untuk memberikan sejumlah wang kepadanya untuk urusan terbabit.

“Percaya dengan kata suspek, wanita itu menyerahkan wang tunai secara berperingkat antara Mac 2020 hingga Jun 2023 kepada suspek sehingga mencecah RM3.5 juta.

“Walaupun bayaran sudah dijelaskan, pengadu mendapati anaknya tidak dibebaskan dan suspek memberi pelbagai alasan,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kumar berkata, mangsa kemudian membuat laporan polis selepas sedar ditipu suspek dan bertindak atas maklumat diterima, suspek berjaya diberkas pada 16 Jun lalu di sekitar Bandaraya Johor Bahru.

Menurutnya, suspek berusia 35 tahun ditahan bagi membantu siasatan atas kesalahan menipu mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SEORANG WANITA MAUT, 14 CEDERA DALAM AHAS TIGA KENDERAAN | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Seorang wanita maut, 14 cedera dalam nahas tiga kenderaan

**Mersing:** Seorang wanita maut manakala 14 lagi termasuk kanak-kanak cedera dalam nahas jalan raya membabitkan tiga kenderaan di Kilometer 14, Jalan Jemaluang di sini, awal pagi semalam.

Ketua Polis Daerah Mersing Superintendan Abdul Razak Abdullah Sani berkata, mangsa wanita yang maut adalah warga Thailand dikenali sebagai Steenurhalisa Useng, 22, akibat parah di muka.

Katanya, kemalangan jam 3 pagi itu dipercayai berpunca apabila kenderaan utiliti sukan (SUV) BMW X5 dipandu seorang lelaki tempatan berusia 32 tahun hilang kawalan ketika melalui jalan berselekoh lalu memasuki laluan bertentangan.

"Kereta BMW X5 berkenaan bertembung Perodua Myvi dan kenderaan pelbagai guna (MPV) Mitsubishi Grandis dari arah Johor Bharu.

"Pertembungan menyebabkan seorang penumpang Mitsubishi Grandis meninggal dunia di tempat kejadian manakala seorang lagi penumpang MPV itu iaitu lelaki warga tempatan patah tangan," katanya.

Katanya, 14 mangsa yang cedera ialah pemandu dan dua penumpang lelaki BMW X5 berusia 30-an serta tiga lelaki dan dua kanak-kanak perempuan yang menaiki Perodua Myvi.

Turut cedera, empat lelaki, seorang wanita dan seorang kanak-kanak perempuan yang menaiki Mitsubishi Grandis.

Abdul Razak berkata, pemandu BMW X5 dirakamkan keterangan sebelum dibebaskan dengan jaminan polis manakala hasil ujian air kencing adalah negatif daripada pengaruh dadah atau alkohol.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Dalam pada itu, Komander Operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Mersing, Pegawai Bomba Kanan II Anuar Hussine berkata, pasukan keluaran operasi (PKO) mengeluarkan mangsa yang maut menggunakan peralatan khas.

"Terdapat 15 mangsa yang terdiri daripada 10 lelaki dewasa, dua perempuan dewasa dan tiga kanak-kanak perempuan.

"Wanita warga asing berkenaan disahkan meninggal dunia di tempat kejadian oleh petugas kesihatan yang tiba di lokasi kejadian.

"Semua mangsa yang cedera dihantar ke Hospital Mersing manakala mangsa yang meninggal dunia diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut," katanya.

Katanya, sebuah jentera LFRT dari BBP Mersing dengan kekuatan tujuh anggota dihantar ke tempat kejadian dan operasi ditamatkan sepenuhnya jam 4.35 pagi.



KENDERAAN yang terbabit dalam kemalangan di Kilometer 14 Jalan Jemaluang di Mersing remuk teruk menyebabkan seorang wanita maut serta 14 mangsa lain cedera.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TANGAN BOLEH GERAK | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

## IBU BAPA MAUT, TIGA BERADIK PARAH

# Tangan boleh gerak

Oleh Syaherah Mustafa
am@hmetro.com.my

**Jeli**

Anak bongsu kepada pasangan yang maut dalam kemalangan di Jalan Raya Timur-Barat berhampiran Hentian Titiwangsa, Sabtu lalu sudah boleh menggerakkan tangan.

Ibu saudaranya, Syamimi Aiyuni Harun, 35, berkata, alat bantuan pernafasan dipakai Mohamad Zarith Mohamad Nasir, 7, juga mungkin akan dibuka untuk melihat sama ada dia boleh bernafas sendiri atau tidak.

"Anak sulung arwah (Mohamad Amir Zaqwan, 14) pula akan menjalani pembedahan hari ini (semalam) di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh susulan patah paha.




LAPORAN Harian Metro, semalam.

"Mohamad Amir dan Mohamad Zarith mendapat rawatan di hospital berkenaan manakala, anak kedua arwah (Nur Auni Batrisya, 12) di Hospital Gerik sudah stabil dan mungkin dibenar keluar wad esok.

"Setakat ini, hanya Nur Auni yang tahu akan situasi kemalangan termasuk majlis pengebumian ibu bapanya, semalam" katanya ketika dihubungi.

Dalam kemalangan itu, Mohamad Nasir Samsudin, 44, dan Rohaya Harun, 46, meninggal dunia dan dikebumikan dalam satu liang lahad di Tanah Perkuburan Islam Kampung Layak di sini, kelmarin.

Syamimi berkata, ketika ini urusan menjaga anak-anak arwah digalas dia dan adik-beradiknya selain dibantu keluarga arwah Mohamad Nasir.

Menurutnya, mereka sekeluarga juga mahu memberi sepenuh perhatian terhadap pemulihan dan penjagaan tiga kanak-kanak itu yang sudah menjadi yatim piatu.

"Saya berharap ketiga-tiganya segera pulih dan kami berjanji akan menjaga mereka adik beradik dengan baik selagi hayat dikandung badan," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA DITAHAN TETAK KEPALA RAKAN | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita ditahan tetak kepala rakan

**Ipoh:** Polis menahan seorang wanita warga asing yang dipercayai menetak kepala kenalannya yang ditemukan mati di ladang sawit berdekatan kilang papan di Ayer Tawar, Manjung, kelmarin.

Ketua Polis Perak Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri berkata pihaknya menerima panggilan mengenai penemuan lelaki berusia 38 tahun itu pada 5.15 petang semalam.

"Siasatan awal polis di tempat kejadian mendapati seorang lelaki berada dalam keadaan tidak sedarkan diri terbaring di atas tanah dengan beberapa kesan tetakan pada tubuh badannya," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata pihak polis turut menjumpai beberapa barang termasuk dua batang besi cangkuk tandan kelapa sawit, sehelai tuala dan sebuah motosikal milik mangsa yang berada berdekatan mayatnya.

Katanya polis kemudian menahan wanita itu di kawasan Ayer Tawar pada kira-kira 3.30 pagi tadi dan suspek direman tujuh hari hingga 1 Julai ini bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Mohd Yusri berkata bedah siasat yang dijalankan hari ini mendapati punca kematian mangsa adalah disebabkan pendarahan yang banyak akibat luka-luka kesan tetakan senjata tajam dan luka tetakan pada bahagian kepala.

Katanya orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kejadian itu diminta menghubungi pegawai penyiasat kanan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Manjung, ASP Mohd Azalan Ab Karim di talian 019-3927837.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'INSPECTOR SHEILA' SUSPENDED | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



*Bukit Aman Criminal Commercial Investigation Department investigating officer S.K. Sheila Sharon arriving at the Selayang magistrate's court in Kuala Lumpur yesterday.* BERNAMA PIC

ORDER SERVED UNDER POLICE ACT

# 'INSPECTOR SHEILA' SUSPENDED

## Power, rights, privileges as officer revoked until case decided by police disciplinary board, says cop

FARAH SOLHI
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

THE Federal police in Bukit Aman have finally served "Inspector Sheila" with a suspension letter, four days after Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail announced that she had been suspended.

Integrity and Standards Compliance Department director Datuk Azri Ahmad said the suspension order was served under Section 78 of the Police Act 1967.

"Therefore, her power, rights and privileges as an officer have been revoked until the matter is decided by the police disciplinary board," he said yesterday.

S.K. Sheila Sharon, 35, said after yesterday's proceedings that she was never served any suspension letter despite the media brouhaha after Saifuddin's announcement.

Sheila disputed Saifuddin's statement on June 22 that she had been suspended and said the minister's statement had come as a surprise to her.

"I was never suspended. That is why I was surprised as I haven't received any letter of suspension."

Sheila was charged with making criminal threats, insulting the modesty of a man and intimidating a lance corporal recently.



*Datuk Azri Ahmad*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 1 DEAD, 16 HURT IN PREDAWN CRASH | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



*The wreckage of the Perodua Myvi and BMW which were in a crash involving three vehicles near Kampung Wak Salam in Mersing, Johor, yesterday.* PIC COURTESY OF THE FIRE AND RESCUE DEPARTMENT

3-VEHICLE PILE-UP

# 1 DEAD, 16 HURT IN PREDAWN CRASH

## 3 toddlers were among victims in accident involving MPV, BMW and Perodua Myvi

JASSMINE SHADIQE
**MERSING**
news@nst.com.my

A 22-YEAR-OLD Thai woman was killed and 16 others — including three toddlers — were severely injured in a three-vehicle pile-up along Jalan Mersing-Jemaluang near here, early yesterday morning.

All victims were rushed to Mersing Hospital and are recuperating well at press time.

District Fire and Rescue Department operation commander Anuar Hussine said that in the 2.59am accident that occurred near Kampung Wak Salam here, one of the nine passengers travelling in a Mitsubishi Grandis multipurpose vehicle (MPV) was killed. The remaining occupants of the vehicle — four men, two women and two girls — were severely injured in the accident.

He said there were also three men in a BMW, and another three men and two girls in a Perodua MyVi.

Anuar said eight firemen took more than two hours to rescue the victims from their vehicles.

Mersing district police chief Superintendent Abdul Razak Abdullah Sani said the deceased, a tourist, died at the scene due to serious injuries.

"Preliminary investigation found that the accident occurred when the driver of the BMW, which was from Mersing, lost control of the vehicle at a bend, causing it to veer into the opposite lane and collide with the Perodua Myvi and Mitsubishi Grandis MPV."

Razak said police recorded a statement from the BMW driver, aged 32, who tested negative for drugs and was released on bail.

The deceased's body was handed over to Mersing police for further action.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ACTRESS ANZALNA STARTS FUNDRAISER FOR BOY WITH RARE DISEASE | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 14 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Actress Anzalna starts fundraiser for boy with rare disease

ACTRESS Anzalna Nasir, 35, has started a fundraiser for a four-year-old boy who has a rare disease called high-grade glioma.

A high-grade glioma is a type of tumour formed in the brain or spinal cord through the abnormal growth of glial cells.

Anzalna said she had known Mas Muhammad Luth since he was a baby as his mother, Hazirah, was her friend.

"When you see how the disease can suddenly change an otherwise cheerful preschooler, it really tugs at your heartstpwrings, especially when it is a rare disease.

"He's about my son's age, so it's really sad to see his condition, and that has moved me to raise funds for his treatment."

She added that only 10 per cent of those with the disease would survive without treatment, and that their health could deteriorate within a year after being diagnosed.

Since his diagnosis in January, Luth had undergone a procedure to remove the tumour.

"He also went for a follow-up treatment, including radiotherapy and chemotherapy. However, a recent MRI test showed less than encouraging results."



She added that Luth was getting weaker and he needed to be treated by specialists in the United Kingdom as soon as possible.

"His mother (a single mum) has withdrawn all her savings. So, this is why I've started this crowdfund to help the family."

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | AMAR BACKS FINE ON OMAN IN SHORTS | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |



*Kelantan Deputy Menteri Besar Datuk Mohd Amar Nik Abdullah (left) at the launch of the Kelantan Education Carnival in Kota Baru, yesterday. He says action will be taken against those dressing indecently, regardless of race.* PIC BY SHARIFAH MAHSINAH ABDULLAH

INDECENT CLOTHING RULES BREACH

# AMAR BACKS FINE ON WOMAN IN SHORTS

## Action taken under MPKB's by-laws, not state's Syariah Criminal Code

SHARIFAH MAHSINAH ABDULLAH
**KOTA BARU**
news@nst.com.my

THE Kelantan government has defended the issuance of a compound notice by the Kota Baru Municipal Council (MPKB) to a non-Muslim Kelantanese woman for wearing shorts.

Deputy Menteri Besar Datuk Mohd Amar Nik Abdullah said the council had followed the rules when issuing the notice to the woman on Sunday.

However, he stressed that the action was taken under the council's by-laws, and not the Kelantan Syariah Criminal Code (I) Enactment 2019.

"The MPKB officers took action against the non-Muslim woman as she breached the rules by wearing indecent clothing.

"MPKB will take action on anyone, regardless if they are Malay or not. There were cases where Malay workers were slapped with compounds for similar offences," said Amar after launching the Kelantan Education Carnival here, yesterday.

He added that this proved there was no discrimination in implementing the rules in the state.

It was reported yesterday that the 35-year-old woman, who runs a clothing business, was issued the compound by the council's enforcement officers.

MPKB president Rosnazli Amin said the officers went to the outlet in Jalan Merbau at 11am yesterday.

He added that the owner was wearing shorts in a public place, for which she was slapped with the compound.

Rosnazli said the woman committed an offence under 34(2)(b) of the Business and Industrial Trade By-Laws 2019.

The woman was given seven days to settle the compound or face legal action.

The woman's relative had uploaded the compound notice on social media yesterday, sparking anger among netizens.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | COP PLEADS NOT GUILTY TO INTIMIDATION, INSULTING MODESTY | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Cop pleads not guilty to intimidation, insulting modesty

**SELAYANG:** A police officer known as "Inspector Sheila" was charged at two separate magistrate's courts here yesterday morning.

S. K. Sheila Sharon, 35, pleaded not guilty to two charges before magistrate Chai Guan Hock and one charge before magistrate Nur Hafizah Rajuni.

Sheila, who is Bukit Aman Criminal Commercial Investigation Department investigating officer, was accused before Chai of making criminal threats with an intention to intimidate a 69-year-old woman at a restaurant in Taman Sri Gombak near here on June 15.

This charge, which carries a jail term of up to two years or a fine, or both upon conviction, was framed under Section 506 of the Penal Code.

She was also charged with insulting the modesty of a 41-year-old man by telling him that he was ugly, fat and a rhinoceros, at the same location and date.

This charge, which provides up to five years' jail, a fine, or both, upon conviction, was framed under Section 509 of the Penal Code.

Deputy public prosecutor Wan Nur Iman Wan Ahmad Afzal suggested bail to be set at RM8,000.

However, Sheila's lawyer, M. Manoharan, pleaded for a bond to be issued as his client was a serving police officer who had been with the force since 2016.

He said the accused was just trying to discipline the two individuals and that Sheila's father had also served the force for 39 years.

The magistrate then ordered RM3,000 bail for the accused and fixed Aug 7 for mention.

Sheila was accused before magistrate Nur Hafizah for intimidating a policeman of a lance corporal rank at the same location and date.

The charge was also framed under Section 509 of the Penal Code.

Deputy public prosecutor Anis Farhah Ahmad Hilmi suggested for the court to order RM5,000 bail for the accused.

However, Manoharan pleaded for the magistrate to tie the bail with the previous case before Chai.

Nur Hafizah then ordered bail to be set at RM2,000 and also fixed Aug 7 for mention.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NINI YUSOF IS NEW MPTN, PRIMEWORKDS STUDIOS CEO | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

'PROVEN TRACK RECORD'

# Nini Yusof is new MPTN, Primeworks Studios CEO

**KUALA LUMPUR:** Nini Yusof has been appointed as the new Media Prima Television Networks (MPTN) and Primeworks Studios chief executive officer (CEO) effective Aug 1.

Media Prima Bhd said yesterday that Nini would succeed Datuk Khairul Anwar Salleh, who decided to step down to pursue his interests in the arts and creative writing.

"As chief executive officer, Nini will oversee the operations of TV3, TV9, 8TV, ntv7, Tonton and Primeworks Studios. She reports to Media Prima group managing director Rafiq Razali.

"Nini's most recent appointment within the group was as deputy CEO of MPTN and Primeworks Studios. She held several key leadership roles within Media Prima since joining in 2012.

"Her previous senior positions include director of sales and strategy of MPTN, and chief content officer of Media Prima Omnia and Primeworks Studios," said the statement.

Prior to joining Media Prima, Nini was with NBC Universal, Fox Networks Group and STAR TV.

In welcoming Nini in her new role, Rafiq said her extensive experience in the domestic and regional media segments was invaluable for the group to continue providing high-quality content for audiences and innovative solutions for advertisers.

"Her proven track record with Media Prima will ensure a seamless integration into the new role," he said, while expressing gratitude over Khairul Anwar's contribution to the success of MPTN and Primeworks Studios.



*Nini Yusof*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | RAMASAMY: NOTHING DISTASTEFUL IN PM'S RESPONSE TO STUDENT | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

'MISCONSTRUED BY DETRACTORS'

# Ramasamy: Nothing distasteful in PM's response to student

**GEORGE TOWN:** Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's impromptu response to a Form Six student has been misconstrued by his detractors, a senior DAP lawmaker said.

According to Dr P. Ramasamy, a female student in a town hall session in Negri Sembilan had asked Anwar about the future of the country and what was his response to the sliding ringgit.

He said Anwar not only praised her for the eloquent and articulate manner in which she posed her question, but also said that he would have asked for her phone number if he had been younger.

"But since it was Anwar, the prime minister who said it, he was criticised for being sexist and distasteful for his response.

"His detractors said Anwar's remark could have lowered his moral standing in the eyes of the public.

"I think Anwar's detractors are using the otherwise innocent remark as a political weapon to demonise him.

"Right thinking Malaysians are aware that Anwar's remark did not offend or ridicule the student."

Ramasamy, a former academician-turned-politician, said Anwar's remark had been taken out of context to give it an offensive and derogatory meaning.

"It was just an off the cuff statement, meant more as a joke than anything else to enliven the atmosphere in the hall.

"I don't think it was morally reprehensible or distasteful. I don't see any sexism in the response by Anwar."

He said Anwar has political friends and foes in the country.

"When such a remark is uttered, there are those who might want to find fault.

"Anwar has not committed an unpardonable act. Let us move on."

Bersatu legal and constitution bureau deputy chairman Sasha Lyna Abdul Latiff has urged Anwar to publicly apologise to the student for his remark.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SCAMMER LINKED TO RM3.5M JAIL RUSE HELD | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# SCAMMER LINKED TO RM3.5M JAIL RUSE HELD

## Suspect claimed to have connections to help woman get her daughter released from Kajang Prison

JASSMINE SHADIQE
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

A 67-YEAR-OLD businesswoman was cheated out of RM3.5 million by a man who claimed that he had the "connections" to help get her jailed daughter released.

The businesswoman had paid the man RM3.5 million over 36 months, between March 2020 and June 2023.

The 38-year-old daughter has been in Kajang Prison since 2019, for offences under the Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act 2007 and the Security Offences (Special Measures) Act 2012.

Johor deputy police chief Deputy Commissioner M. Kumar said the 35-year-old man was arrested in Johor Baru on June 16, in a joint operation coordinated by state police and Bukit Aman federal police.

"It was not an easy arrest as we had to mount surveillance for several days and gather intelligence diligently before the arrest was made," Kumar said yesterday.

It is learnt that the suspect in custody was jobless and that he had contacted the victim via her Facebook page.

Sources close to the investigation revealed that the suspect, who had an enforcement officer's persona, had guaranteed the victim that he had "connections" with top-brass enforcement officers and could secure "an unconditional release" of her daughter if the payment was right.

After paying the suspect in installments over a period of more than two years, the woman started demanding for her daughter's release to be expedited.

By June this year, the man began making excuses, avoided her calls and eventually went totally quiet.

The woman realised that she had been deceived, prompting her to lodge a police report.

Kumar said the suspect was arrested under Section 420 of the Penal Code, which carries a penalty of up to 10 years' imprisonment, whipping and also a fine.

He added that investigations were underway to tie up some loose ends.

Kumar declined to provide details on the 38-year-old prison inmate's previous arrest and the nature of her mother's business.

He urged the public to exercise caution when dealing with unfamiliar individuals on social media.

"There is relevant advice on the police's social media platforms on dealing with such cases.

"Please follow them to stay informed about the latest modus operandi of such crimes.

"When in doubt or if you suspect that you are a victim of a fraud, contact the National Scam Response Centre at 997 immediately."

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | CHARITY GROUP 38 YAYASAN AMAL CINTA DONATES MYOPIA GLASSES RO SCHOOL CHILDREN | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



Handout photo shows 38 Yayasan Amal Cinta representatives pose with the pupils during the handover of the myopia glasses.

# Charity group 38 Yayasan Amal Cinta donates myopia glasses to school children

**KUCHING:** Charity group 38 Yayasan Amal Cinta yesterday donated 100 pairs of myopia glasses to pupils of SJK Chung Hua Sungai Tengah.

The group in a statement said they dropped by the primary school around 9am to hand over the contribution.

SJK Chung Hua Sungai Tengah is located at Jalan Sejijak, Matang area here.

"We at 38 Yayasan Amal Cinta hope that our initiative will spur other non-governmental organisations to continue their contributions to society," the group said in the statement.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FATIMAH: 94,781 ENDOWMENT FUND SARAWAK ACCOUNTS OPENED AS OF MAY | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 01 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Fatimah: 94,781 Endowment Fund Sarawak accounts opened as of May

**Yunus Yussop**

**SARIKEI:** A total of 94,781 Endowment Fund Sarawak (EFS) accounts have been opened as of May 31 this year, involving an allocation of RM94,781,000, said Dato Sri Fatimah Abdullah.

The Minister of Women, Childhood and Community Wellbeing Development said EFS – introduced in January 2019 – is one of initiatives of the state government that grants RM1,000 in the form of trust savings for every birth of a Sarawakian child regardless of race, religion or socio-economic status.

"EFS aims to help Sarawak's children to prepare for further studies, start a career or start a small business," she told reporters during the handing over of EFS documents and maternity assistance at the Sarikei Hospital maternity ward yesterday.

On maternity assistance, Fatimah said a total of 48,278 mothers have received one-off assistance of RM450 as of May 31 this year.

This, she pointed out, was an increase from the 38,808 mothers who had received the assistance as of November last year.

"The maternity assistance which was introduced in 2020 is one of the initiatives of the Sarawak government for every 'K' status mother or wife of a 'K' status Malaysian identification cardholder who gives birth to a child, to help the mother's needs after giving birth," she said.

According to Fatimah, those wanting to apply for EFS can do so either online or manually at all 52 branches of the National Registration Department (JPN) in the state.

For the maternity assistance, she said manual application can be done at any divisional or district welfare office, district office, Sarawak JPN or maternity support office, or at the Baitul Makmur Building 2 (for Kuching only).

For online applications, visit https://isarawakcare.sarawak.gov.my for more information.

On an unrelated matter, Fatimah described the action of a kindergarten teacher who protected the children under her care from a teenager who ran amok recently at Tabika Kemas here as "something very brave".

"We thank the teacher who was willing to risk her own life to protect the students from the unexpected threat," she said, adding that recognition would be given to the teacher for her bravery.

In the June 13 incident, the 36-year-old teacher was injured after confronting the 17-year-old boy who had entered the kindergarten.

It was understood that the suspect, who was under the influence of drugs at the time, had climbed over the fence and had damaged a number of items in the premises.

With Fatimah at the event were her deputy ministers Datuk Rosey Yunus and Mohamad Razi Sitam, Meradong assemblyman Datuk Ding Kuong Hiing, Ministry of Women, Childhood and Community Wellbeing Development permanent secretary Noriah Ahmad, and Sarikei Hospital director Dr Mohamad Ng Siah Huat.



Fatimah (centre) together with Rosey and Mohamad Razi cuddle babies who were among the EFS recipients. — Photo by Kepu Sidi

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FATIMAH: TG MANIS KINDY CASE A 'WAKE-UP CALL' ON STAYING VIGILANT | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Fatimah: Tg Manis kindy case a 'wake-up call' on staying vigilant

**SARIKEI:** The incident of a teen running amok in a kindergarten in Kampung Rajang on June 13 is a wake-up call for everyone that bad things can happen in a peaceful environment, said Dato Sri Fatimah Abdullah.

The Minister of Women, Childhood and Community Wellbeing Development said nobody expected the incident to occur but it still did.

"Now we have to get out of our comfort zone – we cannot assume that a rural area, which is so peaceful, is also violence-free.

"This is a wake-up call on how we can improve the safety aspects inside and outside of the premises and one thing for sure is to fight drug abuse," she said after a visit to Tabika Kemas Kampung Rajang (A) in Tanjung Manis where the incident occurred.

The suspect was believed to have been under the influence of drugs at the time of the incident.

Fatimah said that fortunately, all nine children in the premises were unhurt thanks to the bravery of their teacher who protected them from being harmed by the suspect, adding also that the visit was also an opportunity for her to meet the teacher.

"The female teacher sustained injuries after fighting off the suspect to avoid him from getting close to the children. The teacher is still traumatised every time she recalls the incident."

Fatimah said she was amazed by the teacher's courage and how she did not even think of her own safety – the teacher herself had only recently given birth.

"The first thing that crossed her mind after the suspect entered the premises was to stop him from endangering the children, and it was her top priority.

"This is the courage we should emulate and that should be recognised. This is in line with our desire to see our teachers who are very responsible at the nursery and preschool levels," she said.

Fatimah added that this sort of incident was also evidence of the dangers of drug abuse.

"When the person is under the influence of drugs, they lose judgement and sanity and will contribute to social problems.

"Drug abuse is related to social wellbeing and community safety. All government agencies, the community and grassroots leaders must tackle this issue seriously and in an integrated manner," she said.

When asked on how the ministry will ensure no similar incidents occur in the future, Fatimah said this was an unexpected incident.

"There is a proper procedure used to ensure the safety of all people, especially children in the premises. This includes ensuring the premises complies with the safety aspects from technical agencies, screening their personnel to ensure they have no previous criminal records, and some premises in town also install CCTVs," she said.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | INSP SHEILA CHARGED WITH UNSULTING MODESTY OF TWO MEN, CRIMINALLY INTIMIDATING ELDERLY WOMAN | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



Sheila is pictured arriving at the court. — Bernama photo

# Insp Sheila charged with insulting modesty of two men, criminally intimidating elderly woman

**KUALA LUMPUR:** A woman police inspector who went viral on social media recently was charged in separate magistrates' courts in Selayang here yesterday with insulting the modesty of two men, including a police lance corporal, and criminally intimidating an elderly woman.

Sheila Sharon Steven Kumar, 35, pleaded not guilty to all three charges.

In the court before Magistrate Nur Hafizah Rajuni, the police officer was charged with insulting the modesty of Lance Corporal Abdul Arif Farhan Abdul Razak at No 8, Jalan SG 1/1, Taman Sri Gombak here, at 1.25pm on June 15.

The charge, framed under Section 509 of the Penal Code, provides a term for up to five years or a fine or both, if found guilty.

Deputy public prosecutor Anis Farhah Ahmad Hilmi requested bail of RM5,000 with one surety, but lawyer M. Manoharan representing the accused, whose father is also a former police officer with 39 years of service, requested that his client be given a bond or the lowest bail, on the grounds that she had been with the Royal Malaysia Police (PDRM) for seven years and her actions were merely to discipline the complainant.

Meanwhile, in the court before Magistrate Chai Guan Hock, Sheila was charged under Section 506 of the Penal Code with criminally intimidating M. Silverkoomarie, 69, at about noon at the same place and time.

The police inspector faces up to two years in jail or a fine or both, if convicted.

She was also charged with insulting the modesty of P. Taneswaran, 31, at about 1pm at the same place and date.

Deputy public prosecutor Wan Nur Iman Wan Ahmad Afzal appeared for the prosecution in the case.

The accused was allowed bail of RM5,000 with one surety on all three charges, with both courts setting Aug 7 for mention. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | RAHMAH MOBILE SALES PROGRAMME POISED TO BENEFIT MORE PEOPLE, SAYS SALAHUDDIN | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Rahmah Mobile Sales programme poised to benefit more people, says Salahuddin

**KUALA LUMPUR:** The Rahmah Mobile Sales programme is one of the initiatives carried out by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) to ensure that more people from the target groups benefit from the programme.

Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said the programme has received full support from the industry in the form of vans, lorries or trailers – used to sell essential goods to local communities.

"Through the Rahmah Mobile Sales programme, the ministry does not need to pay any fees for trailer usage, including for petrol or hiring drivers since this initiative is private-driven.

"All of these contribute to the success of this programme," he told a press conference at Parliament Building here yesterday.

Elaborating, Salahuddin said KPDN would look into expanding the programme to interior areas in the future.

He said since June 16, the Rahmah Sales programme has been implemented in 640 state constituencies in conjunction with the Hari Raya Aidiladha celebration.

"We focus on state constituencies so that we can reach out to more people in rural villages," he said.

In addition to the Rahmah Mobile Sales programme, he said the Rahmah Sales programme was implemented through two more methods, namely in suitable premises such as supermarkets or hypermarkets as well as selected sites or community halls.



**We focus on state constituencies so that we can reach out to more people in rural villages.**

Datuk Seri Salahuddin Ayub

Meanwhile, Salahuddin said the ministry had not received any complaints about shortage in the supply of goods, including sugar, ahead of Hari Raya Aidiladha this week.

"There were complaints about sugar shortage in the last two or three weeks, but we dealt with it quickly. Usually, we can solve this problem within 24 hours.

"But as of this afternoon, we have not received any complaints about supply shortage and for seven days in a row. There have been no complaints about sugar shortage," he said. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SETTING UP OF 'PASAR RIA' FOR SIBU ENTREPRENEURS BEING MULLED | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



Tiang (standing, centre) and other guests pose with the children taking part in 'Program Promosi Usahawan: Pasar Ria Desa Kemas'. — Photo by Peter Boon

# Setting up of 'Pasar Ria' for Sibu entrepreneurs being mulled

**SIBU:** A 'Pasar Ria' could well be set up here in the next quarter of this year to provide a platform for local entrepreneurs to showcase their products and services.

In stating this, Deputy Minister II of Public Health, Housing and Local Government Michael Tiang said it had come to his attention that many entrepreneurs here were in need of a platform for the public to have access to their products and services.

He noted that recently-organised entrepreneurial programmes including Kitchen Sibu had been well-received by entrepreneurs.

He said he would further discuss with Sibu Resident's Office regarding the proposal to set up a committee for the planned 'Pasar Ria'.

"You can see that there are many local entrepreneurs requesting for the local authority to come up with a platform for them.

"For most of them, the Sarawak government has put in the effort into training, certifying and built them into skilled entrepreneurs.

"What they need now is a platform for the public to have access to their products and services," he said when met after the 'Program Promosi Usahawan: Pasar Ria Desa Kemas' here yesterday.

Tiang said apart from the Resident's Office taking the lead, he would also rope in Sibu Municipal Council, state ministries and other agencies to form a committee to look into the matter.

Asked on the proposed venue for the Pasar Ria, he believed that the indoor stadium here would be ideal in view of its ample parking area.

TAJUK : THAI TOURIST KILLED, 15 OTHERS UNJURED IN THREE-CAR CRASH

HARI : SELASA
AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 27 JUN 2023
M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF
SEKTOR : KPWKM

# Thai tourist killed, 15 others injured in three-car crash

**MERSING:** A Thai woman was killed and 15 others were injured in a road crash involving three vehicles at Kilometre 14, Jalan Jemaluang here early yesterday.

Mersing police chief Supt Abdul Razak Abdullah Sani said the deceased was a 22-year-old Thai tourist who was a passenger in a Mitsubishi Grandis multi-purpose vehicle (MPV).

"She died at the scene due to serious injuries on the face," he said in a statement, adding that the 3.30am crash involved a BMW X5, a Perodua Myvi and the Mitsubishi Grandis.

Abdul Razak said preliminary investigation found that the accident occurred when the driver of the BMW lost control of the vehicle while taking a bend, causing it to veer into the opposite lane and collide with the Myvi and Grandis.

He said the drivers of the three vehicles were injured in the crash, as well as 12 other passengers in the three vehicles.

Police recorded the statement of the 32-year-ol BMW driver, who tested negative for drugs, before releasing him on bail, he added. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | A STOLEN KISS LANDS FAN IN HOT WATER | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# A stolen kiss lands fan in hot water

**SEREMBAN:** Police have arrested a man for allegedly outraging the modesty of a 26-year-old artiste here.

Nilai OCPD Supt Abdul Malik Hasim said the suspect has been remanded until tomorrow.

"The female victim lodged a report on June 25 alleging that she was resting in a VVIP room behind a stage at Dataran Nilai after a performance when the suspect walked up to her to ask permission for a selfie, to which she agreed.

"However, after having the selfie taken, the suspect allegedly pulled and pressed her hand and then kissed it," he said.

Supt Abdul Malik said this startled the victim and she screamed.

The suspect tried to escape but was caught by the organisers and handed over to the police.

The case is being probed under Section 354 of the Penal Code for using force with intent to outrage a person's modesty.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | INSP SHEILA CLAIMS TRIAL TO PUBLIC OUTBURSTS CHARGES | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Insp Sheila claims trial to public outbursts charges

By **MAHADHIR MONIHULDIN**
mahadhir@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** The police officer seen in recent videos over her loud outbursts has claimed trial to three charges of criminal intimidation and insulting the modesty of a man and a police officer.

Insp Sheila Sharon Steven Kumar, an investigating officer at Bukit Aman Commercial Crime Investigation Department, pleaded not guilty to two charges before magistrate Chai Guan Hock and one charge before magistrate Nur Hafizah Rajuni at the Selayang Magistrate's Courts yesterday.

In the first court, the 35-year-old inspector was charged with making criminal threats to a 69-year-old woman at a shoplot in Taman Sri Gombak, Selangor, at around noon on June 15, under Section 506 of the Penal Code.

If convicted, she faces a jail term of up to two years or a fine, or both, upon conviction.



**On bail:** Insp Sheila and Manoharan arriving at the Selayang Magistrate's Court here yesterday.

Insp Sheila was also charged with insulting the modesty of a 41-year-old man by calling him "fat, bald and looking like a rhinoceros" an hour later at the same location on the same day, under Section 509 of the Code.

It provides for a jail term of up to five years or a fine, or both, upon conviction.

Deputy public prosecutor Wan Nur Iman Wan Ahmad Afzal requested bail at RM8,000.

Insp Sheila's lawyer Manoharan Malayalam asked the court to issue a bond on the accused instead, on account that she is "a serving police officer who has a clean background and has always put her career first".

Chai fixed bail at RM3,000.

In the second court, Insp Sheila faced her third charge of intimidating a police officer with a lance corporal rank with intent to insult his modesty at around 1.25pm at the same location on the same day as the previous charges.

The charge was framed under Section 509 of the Penal Code, which provides for a jail term of up to five years or a fine, or both, upon conviction.

DPP Anis Farhan Ahmad Hilmi proposed RM5,000 bail in one surety.

Manoharan then pleaded before Nur Hafizah to tie the bail with the cases in Chai's court.

Nur Hafizah fixed bail at RM2,000 bail.

Both magistrates fixed Aug 7 for mention of the cases.

When met after the court proceedings, Manoharan said there were initially a total of six charges against Insp Sheila but three were dropped.

Insp Sheila landed in hot water earlier this month when a viral video emerged showing her arguing with other police personnel and civilians.

She was detained by the Gombak police on June 18 and subsequently released on police bail.

Later yesterday, Bukit Aman Integrity and Standard Compliance Department director Datuk Seri Azri Ahmad issued a statement to say that Insp Sheila has been suspended from her duties pending legal procedures against her.

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PARALYSED MECHANIC KEEN ON OPENING WORKSHOP TO SUPPORT FAMILY | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 15 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Paralysed mechanic keen on opening workshop to support family

A PARTIALLY paralysed mechanic in Pasir Salak, Kedah, is determined to support his family by opening his own workshop, reported *Utusan Malaysia*.

Mohamad Zulkarnain Mustafa said he planned to build the workshop near his family home in the small town of Chenderong Balai but its construction was delayed as he didn't have enough money.

The 27-year-old, who is paralysed from the waist down after a road accident in 2015, said he was eager to finish building the workshop which would allow him to earn a living.

"I do not want live in despair over what happened to me, instead I just want to live a life like everyone else and earn money for my family.

"Right now I feel sorry for my parents and siblings who have to push my bed out of the house every time I want to repair a customer's motorcycle.

"But once the workshop is ready, I will be able to easily work on repairing motorcycles and I can go about my daily routine without bothering my family members as much," he said.

Mohamad Zulkarnain, who learnt his mechanic skills from working at a workshop before his accident, said he was currently seeking financial aid from both government programmes and donations to complete his workshop.

> Popular local singer Sufian Suhaimi has denied having any plans to tie the knot with his girlfriend following the release of his newest single *Menggenggam Bahagia*, reported *Berita Harian*.

The 31-year-old Best Performance winner of the 33rd Anugerah Juara Lagu music competition, said the song's lyrics had nothing to do with his personal life and that he was concentrating on his career.

"The song was crafted by a composer and lyricist, both of whom do not know the details of my personal life.

"The song has no gimmicks or hidden meanings. I just wanted to produce the best songs for fans and music listeners," he said.

Sufian, who is best known for his first hit single *Terakhir*, said that while the relationship with his current partner was going well, plans of marriage were still a long way off.

"Music remains my passion and I am still planning for the future in both my personal life and career.

"Of course I want to get married, but I am not going to rush it," he said, adding that he would continue to stay mum on his girlfriend's identity to protect her privacy.

Sufian had remained single after his previous engagement with actress Elfira Loy was called off in 2018.

However, in April this year, the Johor-born singer revealed that he had started dating someone he referred to as "sayang" after attending a celebrity friend's wedding with the girl.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BLOWN AWAY | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE SUN DAILY |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



**BLOWN AWAY** ... Norfaezah Che Mansur looking at the sky from her living room after the roof of her house was ripped off during a storm in Kampung Permatang Sungkai in Kelantan yesterday. – *BERNAMAPIC*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 94,791 AKAUN EFS UDAH DIBUKA KENYAU ARI 1 JANUARI 2019 | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 94,791 akaun EFS udah dibuka kenyau ari 1 Januari 2019

## Akaun Endowment Fund Sarawak (EFS) ke udah dibuka nya ngena agih belanja sepenyampau RM94,781,000: Fatimah

**SARIKEI: Bisi 94,781 akaun Endowment Fund Sarawak (EFS) udah dibuka kenyau ari dipejalaika kena 1 Januari 2019 nyentuk 31 Mei taun.**

Menteri Pemansang Orang Indu, Nembiak Mit enggau Pengelantang Pendiau Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah madah, akaun ke udah dibuka nya mungkur agih belanja sepenyampau RM94,781,000.

"EFS siti ari inisiatif Perintah Sarawak ti meri RM1,000 ari sukur duit 'simpan amanah' ngagai tetiap anak Sarawak ti diadaka berengkah ari taun 2019, enda ngira bansa, jalai pengarap tauka status sosio-ekonomi.

"Tuju bantu tu iya nya kena nulung anak Sarawak nyendiaka sida nampung pelajar ngagai palan pelajar tinggi, ngepunka karier tauka nyadi modal mit dagang pengudah ngerejister tauka anak Sarawak nya beumur 18 taun.

"Taun tu, nyentuk 31 Mei, bisi 13,819 pengada direjister di Sarawak udah dirikodka lalu ari penyampau nya bisi 14,275 nembiak mit ke megai status tauka pemegai MyKad bestatus 'K', lalu ari penyampau nya, 8,911 iku udah minta EFS," ku Fatimah.

Iya bejaku munyi nya maya Pengerami Nyuaka EFS enggau Bantu Indai Beranak (BIB) sereta nemuai ngagai Wad Alai Beranak Spital Sarikei, kemari.

> "EFS siti ari inisiatif Perintah Sarawak ti meri RM1,000 ari sukur duit 'simpanan amanah' ngagai tetiap anak Sarawak ti diadaka berengkah ari taun 2019, enda ngira bansa, jalai pengarap tauka status sosio-ekonomi."
>
> **Dato Sri Fatimah Abdullah**
> *Menteri Pemansang Orang Indu, Nembiak Mit enggau Pengelantang Pendiau Komuniti*

Ku Fatimah, sebedau taun 2023, bisi 8,686 akaun EFS ti dipinta udah dikemendarka.

Tambah iya, pom peminta EFS tau diambi ba Opis Pengerejister Menua (JPN) Sarawak tauka didownload nengah website hhtp://bit.ly/borangefs2022 sereta mega nengah chara ngerimbas kod QR ke bisi ba opis JPN.

Ku Fatimah, Perintah Sarawak mega bisi meri Bantu Indai Beranak (BIB) ti dipenyadi kena 1 Januari 2020.

"Nyentuk 31 Mei 2023, bisi 48,278 indai udah bulih bantu sepenyampau RM450.00 sechara 'one-off'.

"Bantu tu udah ngena belanja sepenyampau RM21.92 juta.

"BIB tu siti ari inisiatif Perintah Negeri Sarawak ti meri mata duit RM450.00 ngagai tetiap iku indai ke ngembuan status 'K' tauka bini ngagai pemegai kad pengelala ti bestatus 'K' ti ngadaka anak kena mantu meli utai ti diguna indai pengudah beranak baka kena meli barang diri maya dalam kandang bepantang enda ngira bansa, jalai pengarap tauka status sosio-ekonomi," ku Fatimah.

Nyaut tanya media bekaul enggau kes siku pengajar tabika ba kampung Rajang ti nyaga bala nembiak iya ari ulih siku nembiak lelaki ti tama ngagai tabika ba kampung nya bedau lama udah, Fatimah madahka nya ulah ti amat berani.

"Kami muji sereta meri terima ngagai pengajar indu nya ti sanggup berambun nyawa nyaga pengelikun bala nembiak iya ari ulah ke jai ti enda disangka datai ari luar.

"Nya alai kami nguji malas pemerani pengajar enggau patut," ku Fatimah.

Sama bisi maya nya, Sapit Menteri Pemansang Orang Indu enggau Nembiak Mit Datuk Rosey Yunus, Sapit Menteri Pemansang enggau Pengelantang Pendiau Komuniti, Mohammad Razi Sitam, Kaban Kunsil Negeri Meradong Datuk Ding Kuong Hiing, Sekretari Mendam Opis Menteri Pemansang Orang Indu, Nembiak Mit enggau Pengelantang Pendiau Komuniti, Noriah Ahmad enggau Direktor Sepital Sarikei Dr Mohamad Ng Siah Huat.



BANTU: Fatimah nyuaka bantu EFS enggau BIB ngagai bala penerima bantu nya kemari.



NEMUAI SERAYA KEREJA: Fatimah enggau raban iya datai ba Sepital Sarikei ngulu Pengerami Nyuaka EFS enggau Bantu Indai Beranak (BIB) seraya nemuai ngagai Wad Alai Beranak ba Sepital Sarikei, kemari.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BOMBA PECAH PINTU RUMAH, TEMUKAN WARGA EMAS MAUT DI ATAS KATIL | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bomba pecah pintu rumah, temukan warga emas maut di atas katil

**IPOH:** Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak semalam terpaksa memecahkan pintu sebuah rumah setelah menerima aduan mengenai seorang warga emas terkunci di dalam sebuah rumah di Taman Pinji Mewah di sini.

Pengarah JBPM Perak Sayani Saidon berkata bagaimanapun sebaik pintu berjaya dibuka, warga emas berusia 80-an itu ditemukan dalam keadaan tidak sedarkan diri sebelum disahkan meninggal dunia oleh pegawai perubatan.

"Kita terima panggilan pada 1.30 tengah hari untuk menjalankan khidmat khas pecah tombol pintu rumah terkunci setelah menerima aduan daripada pihak polis terdapat seorang mangsa terkunci di dalam rumah.

"Anggota bomba menjumpai mangsa dalam keadaan tidak sedarkan diri tertiarap di atas katil dan disahkan telah meninggal dunia," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata mayat mangsa kemudiannya diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut dan operasi tamat jam 1.50 tengah hari. — Bernama

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | INSPEKTOR SHEILA DIDAKWA AID KEHORMATAN LANS KOPERAL, PEMUDA DAN UGUT WARGA EMAS | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Inspektor Sheila didakwa aib kehormatan lans koperal, pemuda dan ugut warga emas

**KUALA LUMPUR:** Seorang inspektor wanita yang tular di media sosial baru-baru ini dihadapkan di dua Mahkamah Majistret Selayang di sini atas dua pertuduhan mengaibkan kehormatan seorang anggota polis berpangkat lans koperal dan seorang pemuda serta satu tuduhan melakukan ugutan jenayah ke atas seorang wanita warga emas.

Sheila Sharon Steven Kumar, 35, membuat pengakuan tidak bersalah bagi ketiga-tiga pertuduhan itu selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Majistret Nur Hafizah Rajuni dan Majistret Chai Guan Hock.

Di hadapan Majistret Nur Hafizah, wanita itu didakwa menyebut berkenaan pangkat lans koperal dengan cara tidak wajar kepada Lans Koperal Abdul Arif Farhan Abdul Razak dengan maksud untuk mengaibkan kehormatannya di No 8, Jalan SG 1/1, Taman Sri Gombak di sini, pada jam 1.25 tengah hari, 15 Jun lepas.

Dia dituduh mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Anis Farhah Ahmad Hilmi mencadangkan jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin, namun peguam M. Manoharan yang mewakili Sheila memohon anak guamnya dikenakan jaminan bon atau jaminan paling rendah dengan alasan dia berkhidmat dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sejak tujuh tahun lepas dan tertuduh daripada keluarga yang baik.

"Ayah tertuduh hadir sebagai penjamin dan untuk makluman, ayahnya merupakan bekas pegawai polis yang telah berkhidmat di PDRM selama 39 tahun. Anak guam saya hanya mahu mendisiplinkan pengadu," kata Manoharan.

Di hadapan Majistret Chai, wanita itu didakwa mengugut M. Silverkoomarie, 69, dengan niat untuk mendatangkan kegentaran kepada wanita warga emas itu pada 12 tengah hari di tempat dan tarikh sama, mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pegawai polis wanita itu juga didakwa menghina kesopanan seorang lelaki, P. Taneswaran, 31, dengan berkata "you tengok badan you, gemuk, botak dan badak sumbu" di lokasi dan tarikh sama, pada jam 1 tengah hari.

Dia di dakwa mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan.

Prosiding dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Wan Nur Iman Wan Ahmad Afzal.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM5,000 dengan seorang penjamin bagi ketiga-tiga pertuduhan dan menetapkan 7 Ogos ini untuk sebutan semula kes. — Bernama



**KE MUKA PENGADILAN:** Sheila dihadapkan di dua Mahkamah Majistret Selayang semalam atas dua pertuduhan mengaibkan kehormatan seorang anggota polis berpangkat lans koperal dan seorang pemuda serta satu tuduhan melakukan ugutan jenayah ke atas seorang wanita warga emas. — Gambar Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JUALAN RAHMAH BERGERAK PASTIKAN LEBIH RAMAI GOLONGAN SASAR TERIMA MANFAAT | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 15 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Jualan Rahmah Bergerak pastikan lebih ramai golongan sasar terima manfaat

**KUALA LUMPUR:** Jualan Rahmah Bergerak antara inisiatif dijalankan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam memastikan lebih ramai golongan sasar menerima manfaat daripada program itu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata program itu mendapat sokongan penuh daripada industri dalam bentuk van, lori atau treler yang digunakan untuk menjual barangan keperluan ke lokasi penduduk.

"Menerusi Jualan Rahmah Bergerak, kementerian tidak perlu mengeluarkan sebarang bayaran untuk penggunaan lori itu termasuk perbelanjaan untuk petrol atau mengupah pemandu memandangkan inisiatif ini ialah private-driven.

"Maknanya bukan hanya pada barang tetapi pengusaha itu sendiri telah merahmahkan dirinya jadi kita boleh bayangkan dengan harga Rahmah dan juga lori itu tak disewa, pemandu tidak digaji, itu semua membantu kepada kejayaan Jualan Rahmah Bergerak ini," katanya dalam sidang media di Bangunan Parlimen semalam.

Beliau berkata kementerian berkenaan akan melihat kaedah untuk meneruskan dan memperluas Jualan Rahmah Bergerak ke kawasan pedalaman pada masa akan datang.

Selain itu, beliau berkata bermula 16 Jun lepas, Jualan Rahmah telah dilaksanakan di 640 Dewan Undangan Negeri (DUN) berbanding hanya di peringkat Parlimen sebelum ini bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidiladha.

"Kita telah menumpukan lagi di kawasan DUN supaya lokasi itu lebih mendasari dan menyentuh rakyat di kampung-kampung pedalaman," katanya.

Selain Jualan Rahmah Bergerak, beliau berkata program Jualan Rahmah turut dilaksanakan menerusi dua kaedah lagi iaitu penjualan di premis yang sesuai seperti pasar raya atau pasar raya besar serta jualan di lapangan atau balai raya berhampiran kawasan terbabit.

Dalam pada itu, Salahuddin berkata pihaknya tidak menerima sebarang aduan mengenai kekurangan bekalan barangan termasuk gula menjelang musim perayaan Aidiladha minggu ini.

"Saya akui dalam dua hingga tiga minggu lepas ada aduan tentang kekurangan gula, itu kita atasi dengan cepat. Kalau ada lokasi-lokasi tertentu dilaporkan (kekurangan bekalan) kepada kita, dalam masa 24 jam kita dapat selesaikan.

"Tapi setakat tengah hari ini belum kedengaran lagi aduan mengenai kekurangan barangan dan tujuh hari berturut-turut tiada aduan tentang kekurangan gula," katanya.

Sementara itu, Salahuddin berharap lebih banyak geran dapat diperuntukkan kepada kementerian itu pada Belanjawan akan datang supaya program Jualan Rahmah dapat diluaskan. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KECEDERAAN KEPALA, INTRAABDOMEN PUNCA KEMATIAN WANITA DIPERCAYAI DIPULUL TEMAN LELAKI | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 17 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kecederaan kepala, intraabdomen punca kematian wanita dipercayai dipukul teman lelaki

**IPOH:** Bedah siasat ke atas wanita yang dipercayai dibunuh teman lelakinya di sebuah rumah kedai di Taman Song Choon di sini awal pagi kelmarin mendapati punca kematiannya adalah kecederaan kepala dan intraabdomen akibat trauma tumpul.

Ketua Polis Daerah Ipoh ACP Yahaya Hassan berkata bedah siasat mayat wanita berusia 24 tahun itu dijalankan oleh Pakar Forensik Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh Dr Mohammad Shafie Othman pada 10 pagi semalam.

"Teman lelakinya yang dipercayai berada di bawah pengaruh dadah memukul mangsa namun punca pergaduhan masih dalam siasatan," menurutnya dalam kenyataan di sini semalam.

Kelmarin, polis menerima maklumat berhubung satu pergaduhan pada 4.34 pagi dan menahan teman lelaki mangsa, yang mengaku telah memukul wanita itu, dan tiga lagi individu berusia lingkungan 29 hingga 65 tahun termasuk ibu suspek yang berada di tempat kejadian.

Siasatan awal di tempat kejadian yang merupakan tempat tinggal pasangan kekasih itu bersama seorang kanak-kanak lelaki berusia lapan bulan mendapati mangsa berada dalam keadaan tidak sedarkan diri terbaring di atas sebuah katil dan disahkan meninggal dunia oleh petugas kesihatan HRPB.

Polis turut merampas sebatang kayu penyapu yang dipercayai digunakan suspek lelaki berusia 23 tahun itu untuk memukul mangsa selain empat telefon bimbit milik bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan. — Bernama

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LEBIH 10 RUMAH ROSAK DILANDA RIBUT DI PASIR PUTEH | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 17 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Lebih 10 rumah rosak dilanda ribut di Pasir Puteh



**MUSNAH: Fatimah membersihkan ruang dapur rumahnya yang dilanda ribut petang kelmarin di Kampung Permatang Sungkai di Pasir Puteh, semalam.** — Gambar Bernama

**PASIR PUTEH:** Lebih 10 rumah rosak akibat dihempap pokok dalam kejadian ribut di lima lokasi berbeza di sini, petang kelmarin.

Pegawai Jabatan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Pasir Puteh, Nik Mohd Nor Nik Mat berkata kawasan itu membabitkan Kampung (Kg) Bukit Abal, Kg Permatang Rambai, Kg Sungai Durian, Kg Sungai Kelong dan Kg Selising.

"Setakat ini, 10 rumah yang dilaporkan rosak dihempap pokok telah kami bersihkan. Terdapat beberapa rumah lagi akan dibersihkan petang ini dan kami jangka tugasan ini akan dapat diselesaikan sepenuhnya esok (hari ini)," katanya ketika ditemui pemberita, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Nik Mohd Nor berkata tiada kemalangan jiwa dilaporkan dalam kejadian itu dan kerosakan hanya membabitkan kediaman dan sebuah kenderaan di Kampung Permatang Rambai.

Sementara itu, mangsa, Fatimah Salleh, 62, dari Kg Permatang Sungkai berkata ketika kejadian kira-kira 7 malam itu, dia berada di bahagian dapur sebelum bergegas keluar menutup suis lampu selepas mendengar guruh yang kuat.

"Sebaik saya menutup suis lampu, tiba-tiba terdengar bunyi yang kuat di bahagian dapur, tanpa berlengah saya mengarahkan anak-anak segera keluar ke ruang tamu untuk selamatkan diri sebelum melihat sebatang pokok telah menghempap rumah kami.

"Saya rasa sangat sedih sebab kejadian yang berlaku ini sebelum Hari Raya Aidiladha. Saya sudah merancang untuk menyediakan beberapa juadah untuk persediaan raya tetapi semua itu terpaksa dilupakan sebab dapur sudah rosak," katanya.

Seorang lagi mangsa, Norfaezah Che Mansur, 35, pula berkata ketika kejadian beliau sedang berbual dengan suaminya Mohd Tarmizi Ismail, 43, yang sedang bersiap untuk ke surau.

"Nasib baik suami masih ada di rumah ketika kejadian dan kami sempat menyelamatkan diri. Hampir keseluruhan bumbung rumah tercabut dan separuh daripada rumah kami roboh.

"Saya harap lebih ramai dapat tampil membantu semua mangsa ribut di sini agar kami dapat meraikan sambutan Aidiladha seperti orang lain Khamis ini," katanya. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENUNGGANG WANITA CEDERA DALAM KEMALANGAN MOTOSIKAL | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Penunggang wanita cedera dalam kemalangan motosikal

**SARIKEI:** Seorang wanita berusia 39 tahun tercedera setelah motosikal yang ditungganginya mengalami kemalangan di Jalan Tai Ping, dekat sini, malam kelmarin.

Pegawai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah Sarikei Leftenan (PA) Shahrol Azizi Zaidi berkata, pihak APM telah menerima panggilan kecemasan berkaitan kemalangan ini pada jam 7.28 malam.

"Sejurus menerima panggilan tersebut, tiga anggota APM berserta sebuah ambulans telah dikerahkan ke lokasi kemalangan yang terletak tiga kilometer dari Pos Kawalan Operasi Daerah (PKOD) Sarikei.

"Ketika sampai di lokasi kemalangan, anggota APM mendapati seorang wanita sedang duduk di bahu jalan sambil menahan kesakitan.

"Berdasarkan situasi tersebut, anggota APM telah bertindak memberikan rawatan awal kepada mangsa dan terus membawa mangsa mendapatkan rawatan selanjutnya di Hospital Sarikei," kata Azizi dalam kenyataan kepada media di sini, semalam.

Hasil pemeriksaan awal kata Azizi, mangsa didapati mengalami kecederaan pada bahu dan kaki kanan.

"Sejurus selesai membawa mangsa ke Hospital Sarikei, pasukan APM terbabit telah bertolak balik ke PKOD," katanya.



**TERCEDERA:** Anggota APM Sarikei membantu seorang penunggang motosikal wanita yang mengalami kemalangan di Jalan Tai Ping, kelmarin.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | POLIS TAHAN LELAKI MENYAMAR JEMAAG WANITA PECAH TABUNG MASJID | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 17 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Polis tahan lelaki menyamar jemaah wanita pecah tabung masjid




**KEGIATAN DIHIDU:** Chien (kiri) menunjukkan telekung yang digunakan suspek pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah Kubang Pasu di Jitra, semalam. Polis menahan dua lelaki tempatan pada 18 Jun lepas yang dipercayai aktif mencuri duit tabung masjid di sekitar Kubang Pasu dengan seorang suspek menyamar sebagai jemaah wanita. — Gambar Bernama

**JITRA:** Polis menahan dua lelaki tempatan pada 18 Jun lepas yang dipercayai aktif mencuri duit tabung masjid di sekitar Kubang Pasu dengan seorang suspek menyamar sebagai jemaah wanita.

Pemangku Ketua Polis Daerah Kubang Pasu DSP Chien Chunng Tsaur berkata lelaki berusia 29 dan 37 tahun itu ditahan di lokasi berlainan susulan laporan polis oleh Pengerusi Masjid Al-Hidayah, Taman Pasu di sini.

"Bertindak atas laporan itu, polis melancarkan operasi sebelum menahan suspek utama yang menyamar jemaah wanita, berusia 29 tahun, di sebuah rumah di Taman Sri Aman (di Jitra) pada pukul 12 tengah hari serta merampas pelbagai barangan kes, motosikal dan peralatan.

"Hasil soal siasat yang dijalankan, polis menahan seorang lagi suspek berusia 37 tahun yang berperanan sebagai 'transporter' (pengangkut) di Jalan Ibrahim di sini, serta merampas motosikal yang disyaki digunakan dalam setiap kejadian," katanya pada sidang media di sini semalam.

Chien berkata, modus operandi mereka adalah lelaki berusia 29 tahun itu menyamar sebagai jemaah wanita sebelum memecahkan tabung masjid manakala seorang lagi menunggu di luar.

"Suspek sanggup menipu jemaah dengan memakai kain telekung dan berulang alik ke masjid untuk melakukan jenayah itu, namun dalam kes ini (Masjid Al-Hidayah) mereka gagal memecahkan peti besi itu kerana tebal dan berat," katanya.

Beliau berkata dengan tangkapan itu polis percaya dapat menyelesaikan lapan kes pecah masjid manakala masing-masing satu kes pecah kilang dan pecah rumah sekitar daerah Kubang Pasu.

Chien berkata kes itu disiasat mengikut Seksyen 380 dan 457 Kanun Keseksaan serta Seksyen 15 (1) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan kedua-dua mereka ditahan reman hingga Rabu ini.

Katanya kedua-dua mereka positif dadah Methamphetamine dan lelaki berusia 37 tahun itu memiliki 15 rekod lampau berkaitan kesalahan jenayah dan dadah. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SABERKAS DUDONG SANTUNI MANGSA KEBAKARAN RUMAH NGLAI | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# SABERKAS Dudong santuni mangsa kebakaran Rumah Nglai

**SIBU:** Pertubuhan Kebangsaan Belia Bersatu Sarawak (SABERKAS) Cawangan Dudong di sini baru-baru ini menghukurkan sumbangan untuk mengurangkan beban mangsa kebakaran Rumah Nglai.

Rumah panjang 12 pintu di Jalan Dudong itu musnah pada 1 Jun lalu, menyebabkan 80 penghuninya kehilangan tempat tinggal.

SABERKAS Dudong yang diketuai Pengerusinya Tiong Sie Keong menyampaikan bakul makanan dan minuman kepada penduduk terjejas di bawah program SABERKAS Prihatin Cawangan Dudong.

Tiong diiringi Naib Pengerusi Mohd Zainorin Arsad, Aubrey Matan dan ahli jawatankuasa yang lain.




**DISANTUNI:** (Dari dua kiri) Mohd Zainorin, Tuai Rumah Nglai Usit, Tiong dan yang lain merakam gambar kenangan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SEBANYAK 94,791 AKAUN EFS DIBUKA SEJAK PELAKSANAANNYA | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 01&02 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |




**TERIMALAH:** Fatimah menyampaikan bantuan EFS dan BIB kepada para penerima bantuan semalam.

# Sebanyak 94,791 akaun EFS dibuka sejak pelaksanaannya

**SARIKEI:** Sebanyak 94,781 akaun Endowment Fund Sarawak (EFS) telah dibuka sejak pelaksanaannya pada 1 Januari 2019 sehingga 31 Mei tahun ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, pembukaan akaun tersebut telah melibatkan peruntukan berjumlah RM94,781,000.

"EFS merupakan antara inisiatif Kerajaan Sarawak dengan pemberian sebanyak RM1,000 dalam bentuk simpanan amanah kepada setiap kelahiran anak Sarawak bermula pada tahun 2019, tanpa mengira bangsa, agama atau status sosioekonomi.

"Bantuan ini bertujuan membantu anak-anak Sarawak sebagai persediaan melanjutkan pelajaran ke pengajian tinggi, memulakan karier atau sebagai modal kecil perniagaan setelah pendaftar atau anak-anak Sarawak terbabit berusia 18 tahun.

"Pada tahun ini, sehingga 31 Mei, terdapat 13,819 pendaftaran kelahiran di Sarawak telah direkodkan dan daripada jumlah tersebut terdapat 14,275 orang kanak-kanak adalah berstatus atau pemegang MyKad berstatus 'K' manakala daripada jumlah tersebut, seramai 8,911 orang telah memohon EFS," kata Fatimah.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan EFS dan Bantuan Ibu Bersalin (BIB) serta lawatan ke Wad Bersalin Hospital Sarikei semalam.

Lihat Muka 2

## Sebanyak 94,791 akaun EFS dibuka sejak pelaksanaannya

Dari Muka 1

Menurut Fatimah, sebelum tahun 2023, sebanyak 8,686 akaun EFS yang dimohon telah diluluskan.

Tambahnya, borang permohonan EFS boleh diperoleh di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Sarawak atau memuat turun borang di laman hhtp://bit.ly/borangefs2022 dan melalui imbasan kod QR yang terdapat di pejabat JPN.

Sementara itu kata Fatimah, Kerajaan Sarawak turut memperkenalkan Bantuan Ibu Bersalin (BIB) yang dilancarkan pada 1 Januari 2020.

"Hingga 31 Mei 2023 seramai 48,278 ibu telah mendapat bantuan sebanyak RM450.00 secara 'one-off'.

"Bantuan ini telah melibatkan perbelanjaan sebanyak RM21.92 juta.

"BIB adalah antara inisiatif Kerajaan Sarawak dengan pemberian sebanyak RM450 dalam bentuk tunai kepada setiap ibu berstatus 'K' atau isteri kepada pemegang kad pengenalan berstatus 'K' yang melahirkan anak bagi membantu keperluan ibu selepas melahirkan anak seperti pemakanan sihat serta penjagaan diri semasa tempoh berpantang tanpa mengira bangsa, agama atau status sosioekonomi," jelas Fatimah.

Menjawab soalan media berkaitan kes usaha seorang guru tabika di kampung Rajang yang melindungi pelajarnya daripada tindakan seorang remaja lelaki yang memecah masuk tabika di kampung terbabit, baru-baru ini, Fatimah menyifatkan ia adalah satu tindakan yang amat berani.

"Kita memuji dan berterima kasih kepada guru wanita ini yang sanggup menggadai nyawanya sendiri demi pelajarnya daripada ancaman luar yang tidak diduga.

"Oleh yang demikian kita akan berusaha memberi penghargaan sewajarnya kepada guru ini atas pengorbanannya itu," kata Fatimah.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita dan Kanak-Kanak Datuk Rosey Yunus, Timbalan Menteri Kesejahteraan Komuniti Mohammad Razi Sitam, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Meradong Datuk Ding Kuong Hiing, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti Noriah Ahmad dan Pengarah Hospital Sarikei Dr Mohamad Ng Siah Huat.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TUJUH SEKELUARGA CEMAS, RUMAH ATAS AIR ROBOH | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 01 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Tujuh sekeluarga cemas, rumah atas air roboh

**BELURAN:** Tujuh sekeluarga berdepan detik getir selepas rumah atas air mereka roboh di Kampung Kulapis Paris di sini kelmarin.



**ROSAK:** Keadaan rumah mangsa yang roboh selepas ditiup angin kencang.

Dalam kejadian kira-kira jam 5.45 petang itu, rumah berkenaan dilaporkan roboh dan mengalami kerosakan selepas ditiup angin kencang.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Beluran Edoen Macheal berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung insiden itu pada jam 5.51 petang.

Katanya, sepasukan 10 anggota dan pegawai termasuk bomba sukarela dari kampung berkenaan digerakkan ke lokasi kejadian bagi operasi menyelamat.

"Sebaik tiba, didapati sebuah rumah hampir tenggelam dan terdapat tujuh sekeluarga masih berada di dalamnya.

"Semua mangsa berjaya dikeluarkan oleh pasukan bomba sukarela sebelum menempatkan mereka di kawasan yang selamat," katanya dalam kenyataan media semalam.

Menurutnya, tiada laporan mengenai kecederaan atau kemalangan jiwa berlaku terhadap mangsa dalam kejadian tersebut.

"Pasukan bomba menjalankan pemeriksaan akhir bagi memastikan lokasi kejadian dalam keadaan selamat sebelum operasi ditamatkan pada jam 6.29 malam," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA DAN ATLET SUKMA DIJEMPUT SERTAI LAYAR CYCLING CARNIVAL | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita dan atlet SUKMA dijemput sertai Layar Cycling Carnival



PROMOSI: (dari kiri) Mahra, Moris, Rentap, Benjamin dan Zamri memegang poster Layar Cycling Carnival Edisi Ke-5 pada sidang media di Pusat Akuatik Pandelela Rinong semalam.

**KUCHING:** Layar Cycling Carnival Edisi Ke-5 menjemput lebih ramai wanita dan atlet temasya Sukan Malaysia (SUKMA) menyertai karnivalnya yang akan dimulakam pada 31 Ogos dan berakhir 3 September.

Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan (Pembangunan Belia dan Sukan) Dato Gerald Rentap Jabu berkata, pihak penganjur telah membuka kategori baharu bagi wanita bagi menyokong usaha tersebut.

"Pada tahun lalu, daripada jumlah keseluruhan 266 penyertaan, pihak kita telah merekodkan 10 daripadanya adalah wanita. Bagaimanapun untuk tahun ini, pihak kita telah menyasarkan 350 sehingga 400 penyertaan yang mana jumlah penyertaan wanita adalah lebih besar daripada tahun sebelumnya," katanya pada sidang media Layar Cycling Carnival Edisi Ke-5 di Pusat Akuatik Pandelela Rinong di sini semalam.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Layar, turut meluahkan keterujaan penganjuran karnival terbabit yang bakal membantu menaikkan nama Layar sebagai kawasan kegemaran aktiviti pelancongan sukan.

Maka itu, pelbagai aktiviti telah disusun atur seperti tapak jualan dan konsert pada 31 Ogos di simpang Layar dan disusuli agihan kit perlumbaan, taklimat dan majlis makan malam meraikan para peserta pada 1 September.

Pada 2 September pula diadakan fun ride, senamrobik dan 'Crilerium' seterusnya Road Race Challenge pada hari berikutnya iaitu pada 3 September.

Kesemua peserta adalah digalakkan tinggal di inap desa rumah panjang berdekatan.

Karnival itu juga mendapat banyak pertanyaan penyertaan dari negara jiran Indonesia dan Brunei. Yuran penyertaan bagi 'early bird' dikenakan pada harga RM80 sahaja dan selepas itu akan dikenakan RM100 seorang.

Lapan kategori akan dipertandingkan iaitu, Junior 17 tahun ke bawah, Master A 35 tahun ke 44 tahun, Master B 45 tahun ke atas, kategori terbuka, kategori minilevo, kategori lebuh raya wanita, kategori terbuka Betong dan kategori terbuka Sarawak.

Pendaftaran boleh dilakukan menerusi akaun Layar Cycling Carnival di platform media sosial Facebook mulai semalam.

Turut hadir Ketua Penolong Setiausaha Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak Jee Chin Fu, Timbalan Residen Bahagian Betong Mahra Salleh, Presiden Persatuan Berbasikal Negeri Sarawak Dato Benjamin Hasbi Mohd Sulaiman, ZASS EVENT MANAGEMENT, Zamri Dollah dan Penguasa Tanah dan Survei Bahagian Betong merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjuran Layar Cycling Carnival Edisi Ke-5 2023 Moris Nayup.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA WARGA EMAS DITIPU RM3.5 JUTA | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 27 JUN 2023 | M/SURAT | : | 17 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita warga emas ditipu RM3.5 juta

## Mangsa terperdaya helah lelaki untuk membebaskan anak perempuan dari penjara

**JOHOR BAHRU: Seorang wanita warga emas mendakwa kerugian sebanyak RM3.5 juta selepas terperdaya dengan helah seorang lelaki yang mendakwa dapat membebaskan anak perempuannya yang ditahan di Penjara Kajang, Selangor.**

Timbalan Ketua Polis Johor DCP M Kumar berkata ahli perniagaan yang berusia 67 tahun mengenali seorang lelaki tempatan pada Mac 2020 yang dikatakan boleh berhubung dengan pegawai penyiasat kes bagi membebaskan anaknya yang berusia 38 tahun itu, dengan syarat membayar sejumlah wang kepadanya.

> "Bertindak atas maklumat, sepasukan polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor dan dibantu Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman telah menahan lelaki berusia 35 tahun itu pada 16 Jun lepas, pukul 12.35 pagi di sekitar bandar raya ini."
>
> **DCP M Kumar**
> *Timbalan Ketua Polis Johor*

Beliau berkata, anak kepada ahli perniagaan itu sebelum ini ditahan atas kesalahan di bawah Akta Pemerdagangan orang dan penyeludupan migran (Atipsom) 2007 serta Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA), sejak tahun 2019.

"Mangsa yang terperdaya telah menyerahkan wang tunai berjumlah RM3.5 juta secara berperingkat kepada lelaki itu sejak Mac 2020 hingga bulan ini, namun percaya telah ditipu kerana anaknya masih tidak dibebaskan meskipun bayaran telah dibuat, dengan memberi pelbagai alasan.

"Bertindak atas maklumat, sepasukan polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor dan dibantu Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman telah menahan lelaki berusia 35 tahun itu pada 16 Jun lepas, pukul 12.35 pagi di sekitar bandar raya ini," katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 10 tahun dan sebatan serta denda, jika disabit kesalahan.

"Kita ingin menasihati orang ramai agar lebih berhati-hati apabila berurusan dengan individu yang tidak dikenali.

"Bagaimanapun, jika telah menjadi mangsa penipuan, sila hubungi 'National Scam Response Centre' (NSRC) di talian 997 sebagai tindakan awal untuk menyekat aliran keluar wang daripada akaun suspek," katanya. — Bernama